



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

"SEMBAHYANG fardu lima waktu, Sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya dan Ramadan ke Ramadhan berikutnya menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan antara masa tersebut seandainya dosa-dosa besar dijawuhkannya".
- Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Riwayat Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 SUBUH 4.43 SYURUK 6.07 DUHA 6.31 ZUHUR 12.19 ASAR 3.45 MAGHRIB 6.30 ISYAK 7.45

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 67

3 JUN 2024 / 1445 ذوالقعدة 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

ABDB TERUS BERKEMBANG PESAT

Oleh : Wan Mohamad Sahran

Wan Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUTONG, Sabtu, 1 Jun. - Lebih enam dekad penubuhannya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus berkembang dengan pesatnya.

Baginda bangga dan bersyukur atas perkembangan positif mengikuti perancangan khasnya perancangan bagi tahun 2023 dan 2024, antaranya berupa penstrukturkan Unit Jentera Tempur menjadi Rejimen Jurutera (Engineer Regiment) Tentera Darat Diraja Brunei, pentaulahan Kapal Tentera Laut Diraja Brunei, KDB As-Siddiq dan KDB Al-Faruq dan pengenalan aset baharunya iaitu Unmanned Underwater Vehicle (UUVE).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelaskan perkara tersebut ketika berkenan bertitah pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-63 di Penanjong Garison, hari ini.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 di Penanjong Garison.

Kukuhkan komitmen, capai matlamat kesihatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Jun. - Menteri-menteri Kesihatan dan wakil-wakil dari negara-negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia kali Ke-77 (77th World Health Assembly) bertemakan, 'Semua untuk Kesihatan, Kesihatan untuk Semua' (All for Health, Health for All) yang berlangsung di Geneva, Switzerland bermula pada 27 Mei hingga 1 Jun 2024.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke perhimpunan tersebut diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga disertai oleh Perwakilan Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Puan Yang Terutama Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee serta beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Pada perhimpunan tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pun memberikan ucapan semasa Sesi Plenari di mana terdahulunya Yang Berhormat menggariskan bahawa draf Program Kerja Umum Ke-14 (14th General Programme of Work) yang akan dibincangkan semasa perhimpunan tersebut diharapkan akan mengukuhkan komitmen antara negara ahli untuk mencapai matlamat kesihatan selaras dengan tema perhimpunan.

>> Muka 10

Raih ganjaran pahala bulan Zulhijah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Jun. - Dalam Islam, terdapat di antaranya empat bulan-bulan haram (suci) di mana pada bulan ini diberi penghormatan khusus dan dianggap memiliki nilai spiritual yang tinggi dan antaranya adalah bulan Zulhijah.

Pada bulan ini, Allah Subhanahu Wata'ala memberikan beberapa keistimewaan untuk umat Islam meraih limpahan pahala, iaitu pertama : berpuasa di Hari Arafah (9 Zulhijah); kedua : puasa sembilan hari pertama Zulhijah dan ketiga : berkurban pada Hari Raya Aidiladha (10 Zulhijah).

Seterusnya yang keempat : memperbanyak takbir, tahmid dan tahlil serta yang kelima : melakukan amalan Sunnah yang mana dengan mengamalkan amalan-amalan di atas, menjadikan umat Islam yang tidak dapat menunaikan ibadah haji pada tahun ini untuk tidak bersedih, insyaaAllah kita masih berpeluang untuk meraih pahala-pahala yang besar pada bulan Zulhijah sesuai dengan petunjuk yang terdapat dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

>> Muka 10

Teroka aktiviti kesukarelawanan, lahirkan pemimpin masa depan

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 2 Jun. - Program Pertukaran Pemimpin Belia Republik Singapura-Brunei (SBYLEP) Kali Ke-9 yang dikendalikan bersama oleh National Youth Council (NYC) di bawah Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia, Republik Singapura dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Negara Brunei Darussalam (NBD) serta diselaraskan oleh Majlis Belia Brunei (MBB) selaku Rakan Strategik telah berlangsung selama lima hari.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 30 pemimpin belia berusia antara 22 hingga 35 tahun dari kedua-dua negara terdiri

dari pelbagai latar belakang profesional berkaitan hal ehwal belia dalam bidang Pendidikan, Kepimpinan, Keusahawanan, Pembangunan Komuniti dan Belia, Sains dan Kesihatan serta Kesukarelawanan.

SBYLEP diadakan secara bergilir-gilir berdasarkan hubungan dua hala yang kukuh antara kedua-dua buah negara, dan edisi ke-9 ini merupakan kali pertama diadakan secara fizikal di Republik Singapura sejak 2019 selepas pemulihan Pandemik COVID-19.

>> Muka 12



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @pelitabrunei pelitabrunei

g

h

i

j

k

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

aa

bb

cc

dd

ee

ff

gg

hh

ii

jj

kk

ll

mm

nn

oo

pp

qq

rr

ss

tt

uu

vv

ww

xx

yy

zz

aa

bb

cc

dd

ee

ff

gg

hh

ii

jj

kk

ll

mm

nn

oo

pp

qq

rr

ss

tt

uu

vv

ww

xx

yy

zz

aa

bb

cc

dd

ee

ff

gg

hh

ii

jj

kk

ll

mm

nn

oo

pp

qq

rr

ss

tt

uu

vv

ww

xx

yy

zz

aa

bb

cc

dd

ee

ff

gg

hh

ii

jj

kk

ll

mm

nn

oo

pp

qq

rr

ss

tt

uu

vv

ww

xx

yy

ABDB terus berkembang pesat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
 Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji
 Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menyatakan, Tentera Udara Diraja Brunei pula telah menerima dua buah dari empat buah Pesawat Angkut C-295MW dan insyaaAllah dalam masa terdekat juga akan menerima pesawat helikopter tempur baharu bagi menggantikan Pesawat Bolkow BO-105. Selain itu, Markas Angkatan Bersama ABDB juga akan menaik taraf keupayaan Sistem C41-STARnya.

"Beta penuh yakin bahawa dengan terus fokus dan komited, maka apa jua yang dirancang akan tercapai, dengan Kementerian Pertahanan dan ABDB berupaya menjadi tauladan baik kepada kerajaan beta dalam perancangan,

pengurusan dan pelaksanaan projek yang telus, jujur dan berkesan," titah baginda.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alha kerana dapat sama-sama hadir pada pagi itu bagi meraikan Sambutan HUT ABDB yang Ke-63 Tahun dalam keadaan negara menikmati suasana aman, damai dan sejahtera.

Di kesempatan istimewa itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengucapkan tahniah kepada seluruh anggota ABDB baik yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara.

"Setinggi-tinggi tahniah juga atas perbarisan yang membanggakan sebentar tadi, yang melambangkan kesiapsiagaan ABDB dalam menuaikan tanggungjawabnya terhadap ugama, raja, bangsa dan negara," titah baginda.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-63 di Penanjang Garison.



WAKTU SEMBAHYANG

Jun MASIHI	HARI	Zulkaedah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	ISNIN	25	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 19	3 . 45	6 . 30	7 . 45
4	SELASA	26	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 45	6 . 30	7 . 46
5	RABU	27	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 45	6 . 31	7 . 46
6	KHAMIS	28	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 45	6 . 31	7 . 46
7	JUMAAT	29	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 46	6 . 31	7 . 47
8	SABTU	1 Zulhijah	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 32	12 . 20	3 . 46	6 . 31	7 . 47
9	AHAD	2	4 . 33	4 . 43	6 . 08	6 . 32	12 . 21	3 . 46	6 . 31	7 . 47

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN Bandar Seri Begawan	SELASA	RABU
33 25 °C 	33 26 °C 	33 26 °C
Pekan Bangar		
32 25 °C 	33 24 °C 	33 25 °C
Pekan Tutong		
32 25 °C 	33 26 °C 	33 26 °C
Kuala Belait		
31 25 °C 	33 25 °C 	33 25 °C

WallahuAlam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

3 JUN 2024

Bersabar, bertawakal untuk mendapat haji yang mabrur

SETIAP tahun, jutaan orang melakukan perjalanan ke Mekah untuk menuaikan ibadah haji yang termasuk dalam Rukun Islam. Ibadah haji juga menunjukkan kebersamaan dan kumpulan umat Muslim dari seluruh dunia yang berkumpul di Baitullah untuk melaksanakan kewajipan agama yang sama. Ini memperkuat ikatan antara umat Muslim dan meningkatkan kesedaran bahawa kita semua satu umat yang sama di hadapan Allah tanpa mengira bangsa, pangkat, keturunan serta warna kulit.

Setiap bakal jemaah haji hendaknya terus berupaya untuk meningkatkan kualiti ibadah sembahyang, sentiasa melazimi membaca Al-Quran semasa berada di Tanah Suci bagi merebut pahala kerana peluang untuk mengerjakan haji adalah satu rahmat bagi kita apatah lagi kita terpaksa menunggu giliran untuk ke sana. Oleh itu, manfaatkanlah dengan sebaik-baiknya peluang kita untuk melakukan amal ibadah di sana.

Mengerjakan ibadah haji bukanlah seperti melancang biasa tetapi ia adalah satu perjalanan kita sebagai umat Islam menuju ke Baitullah untuk mengerjakan haji. Oleh itu, bersyukurlah kerana diberi peluang untuk ke kota suci ini kerana kita tidak tahu berapa ramai orang Islam yang sentiasa berharap agar dapat mengunjungi tempat tersebut.

Apabila berada di Tanah Suci, para bakal jemaah haji perlu mempunyai sifat kesabaran yang tinggi dan tidak mustahil akan berhadapan dengan dugaan dan cabaran yang tidak disangka. Bersabar dan bersyukurlah kerana diberi dugaan tersebut kerana ini hanyalah sebagai ujian bagi kita dalam mengerjakan ibadah haji.

Bakal jemaah haji juga disarankan untuk tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan mendapat masalah di sana kerana ketika ini peraturan haji sangat tegas apatah lagi pihak kerajaan Arab Saudi terpaksa berhadapan dengan jutaan jemaah yang datang dari pelosok dunia untuk mengerjakan ibadah haji. Justeru, perlu diingat kita datang ke sana untuk mengerjakan ibadah haji dan hindarilah daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang.

Bakal jemaah haji kita juga perlu menjaga kesihatan masing-masing agar sentiasa sihat walaifat semasa berada di Tanah Suci Mekah untuk memudahkan mereka melakukan amal ibadah di sana.

Alhamdulillah, bakal jemaah haji kita di negara ini juga membuat persiapan yang secukupnya dengan mengikuti kursus haji untuk meningkatkan pengetahuan tentang ibadah haji dan memberikan gambaran keadaan terkini ketika berada di Tanah Suci yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah.

Semoga semua bakal jemaah haji dari negara ini akan mendapat syafaat, perlindungan, keselamatan dan diper mudahkan segala urusan semasa berada di Tanah Suci Mekah. - Ketua Penyuntingan (Ri)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردان منtri دان ڈجیٹک اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PENELITIAN MENDALAM PENGAMBILAN ANGGOTA TENTERA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Sabtu, 1 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mahu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan memberikan tumpuan dan penelitian mendalam dari sudut pengambilan anggota tentera.

"Beta difahamkan, bahawa terdapat cabaran bagi mencapai jumlah anggota tentera yang diperlukan pada setiap tahun, khususnya bagi Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan ABDB dan Kompeni Rekrut Institut Latihan ABDB," titah baginda pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB yang Ke-63.

Pada majlis berlangsung di Penanjong Garison di sini, Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelaskan bahawa pada tahun 2023, pemohon yang lulus pemilihan mengikut kuota yang disediakan di Sekolah Pegawai Kadet cuma sebanyak 57 peratus sahaja, manakala 78 peratus pula bagi Kompeni Rekrut.

Justeru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa cabaran atau trend ini jika berterusan, akan menjelaskan penstruktur ABDB ke arah matlamat Gagasan Angkatan 2035.

Oleh itu, baginda menyarankan supaya pihak Kementerian Pertahanan dan pihak berkepentingan di dalam negara untuk bekerjasama dalam menyiapkan laluan dalam kalangan belia yang berminat untuk berkhidmat dengan ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-63 di Penanjong Garison.

Memantapkan, memperkuuh diplomasi pertahanan ABDB

TUTONG, Sabtu, 1 Jun. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) juga telah berjaya mengembangluaskan lagi diplomasi pertahanannya melalui kerjasama dengan angkatan tentera negara-negara sahabat di peringkat ASEAN, serantau dan antarabangsa selain dari mengasah kekuatan tempurnya.

Dengan wujudnya hubungan erat di antara ABDB dengan angkatan tentera sahabat di rantau ini khasnya dan antarabangsa amnya, akan dapatlah memantapkan lagi keupayaan dan kesefahaman melalui kegiatan eksais dan aktiviti, dua hala serta pelbagai hala.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam menjelaskan perkara tersebut semasa berkenan bertitah pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB yang Ke-63 di Penanjong Garison, di sini.

Menurut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Persembahan Penerjunan Terjun Payung Bebas Solidariti dari Unit Elit atau pasukan khusus 11 buah angkatan bersenjata negara-negara sahabat yang memeterai Memorandum Persefahaman dengan ABDB dan Pameran Industri Pertahanan daripada 20 buah negara sebagai salah satu acara sambutan pagi ini, adalah jelas mencerminkan terjalannya perpaduan dan diplomasi pertahanan yang kukuh.

"Beta ucapan penghargaan

kepada negara-negara sahabat yang turut serta dalam Solidarity Jump dan Pameran Industri Pertahanan pada kali ini," titah baginda.

Keceriaan acara Sambutan HUT Ke-63 ini, tambah baginda, turut diwarnai dengan kehadiran pegawai-pegawai kanan dan anggota tentera dari Royal Guards Special Force, Bahrain Defence Force yang sedang membuat latihan bersama Exercise Hamad Storm dengan Rejimen Pasukan Khas ABDB di negara ini.

"Beta juga sangat gembira atas

kehadiran dan keterlibatan penuh semangat anggota Persatuan Bekas Parajurit ABDB (PERWIRA) pada pagi ini dan juga semasa Sambutan Hari Kebangsaan NBD yang Ke-40 Tahun.

"Beta ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan sumbangan yang berterusan kepada negara walaupun telah bersara dari perkhidmatan," titah baginda lagi.

Tahun ini juga titah baginda adalah merupakan Ulang Tahun Penubuhan Kementerian Pertahanan yang Ke-40 dan dalam masa empat dekad itu,

Alhamdulillah Kementerian Pertahanan telah berjaya mengemudi dengan baik ABDB.

Sebelum mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa sambutan pada tahun ini dan semua yang terlibat dalam perbarisan pagi ini. Baginda turut mendoakan agar ABDB akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.



ANTARA yang hadir pada upacara tersebut (atas dan kanan).

SAMBUTAN HUT ABDB KE-63 PENUH GILANG-GEMILANG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-63 di Penanjong Garison. Turut berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda (atas dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Sabtu, 1 Jun. - Perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sejak penubuhannya kini yang telah menjangkau 63 Tahun adalah ukuran matangnya sesebuah institusi.

Dalam tempoh enam dekad tersebut, ABDB telah menjalani

pelbagai perubahan dan evolusi yang menarik, khususnya dalam meningkatkan peranannya sebagai pemangkin dalam memperkasa kedaulatan negara dengan lebih terarah, cekap dan berupaya.

Sehubungan dengan itu, keberangkatan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja bercemar duli ke Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-63 menambah lagi seri majlis.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan HUT ABDB Ke-63 di Padang Kawad Institut Latihan ABDB (IL ABDB), Penanjong Garison, ialah paduka-paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat dan seterusnya memeriksa barisan Pasukan-pasukan Perbarisan Raksasa (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir menyaksikan upacara berkenaan. Sementara gambar bawah tengah, upacara disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat.



DOA dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanrah Agama ABDB (JAMA'AT), Lettenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

>> Muka 4

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja di Padang Kawad IL ABDB, Penanjong Garison dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Pemerintah ABDB, Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM dijunjung beredar ke Pentas Diraja bagi menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa barisan Pasukan-pasukan Perbarisan Raksasa seramai 981 anggota ABDB yang terdiri dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) berserta rombongan Panji-panji Kebawah DYMM dan Panji-panji Pasukan ABDB, Rejimen Pasukan Khas (RPK); Askar Wanita; gabungan Pancaragam ABDB dan Serunai dan Tambur TDDB serta kenderaan dan aset ABDB di bawah Pemerintah Perbarisan, 724 Leftenan Kolonel Mohammad Ghazali bin Haji Hussin.

Upacara disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh Pasukan-pasukan Perbarisan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima Tabik Hormat Diraja.

dengan membawa Panji-panji Kebawah DYMM dan Panji-panji Pasukan ABDB dan diikuti dengan perbarisan mara ke hadapan untuk diperhatikan semula.

Baginda juga berkenan mengurniakan titah bersempena

Sambutan HUT ABDB Ke-63, diikuti dengan tiga kali laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' daripada Perbarisan Raksasa ABDB yang disembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM.

Bagi memberkati upacara tersebut, bacaan doa telah

dibacakan oleh Pemangku Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

>> Muka 6



PERBARISAN berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh Pasukan-pasukan Perbarisan dengan membawa Panji-panji Kebawah DYMM dan Panji-panji Pasukan ABDB dan diikuti dengan perbarisan mara ke hadapan untuk diperhatikan semula (atas, atas kanan, kanan dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, terbang lalu pesawat-pesawat Blackhawk dan C295MW TUDB.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja berkenan bergambar ramai bersama PTB-PTB Kanan ABDB (atas), manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan.

>> Muka 5

Seterusnya, Kebawah DYMM disembahkan lagi dengan Tabik Hormat Diraja diikuti dengan terbang lalu pesawat-pesawat Blackhawk dan C295MW TUDB. Sejurus terbang lalu, baginda

dan kerabat diraja dijunjung berangkat ke Mes Pegawai Waran dan Pegawai-pegawai Tidak Bertauliah (PTB) Kanan, Penanjong Garison bagi Majlis Santap Ringan dan seterusnya bergambar ramai bersama PTB-PTB Kanan ABDB.



Kebawah DYMM dan kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat ke Padang Bola 'B' menggunakan kenderaan Light Tactical All-Terrain Vehicle (LT-ATV) bagi menyaksikan acara Solidarity Jump (Penerjunan Perpaduan), iaitu Persembahan Terjun Payung yang terdiri daripada 31 penerjun gabungan pasukan khas daripada 11 negara sahabat serta anggota-anggota dari Skuadron 31 TUDB dan RPK yang diketuai oleh Mejai Pengiran Mas Sanusi bin Pengiran Haji Masuni dari Rejimen Pasukan Khas,

ABDB.

Sejurus menyaksikan acara Solidarity Jump, Kebawah DYMM dijunjung untuk bergambar ramai bersama para peserta Persembahan Terjun Payung.

Penglibatan dari negara-negara sahabat dalam sama-sama memeriahkan sambutan pada tahun ini mencerminkan hubungan pertahanan yang mesra dan baik terjalin di antara ABDB dengan Angkatan Tentera Negara sahabat dan ia adalah salah satu usaha untuk meningkatkan kesefahaman dalam sama-sama menjaga keamanan dan kestabilan rantau

dan antarabangsa.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat ke Dewan Nikmat bagi menyaksikan Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan yang menampilkan peralatan dan teknologi terkini yang terdiri daripada syarikat-syarikat industri pertahanan antarabangsa daripada 20 negara, dengan hasrat untuk membantu ABDB menjana usaha memperkembangkan keupayaan operasi ke arah pertahanan negara yang lebih mampan.

>> Muka 7



KEBAWAH DYMM dan kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat ke Padang Bola 'B' bagi menyaksikan acara Solidarity Jump (Penerjunan Perpaduan), iaitu Persembahan Terjun Payung yang terdiri daripada 31 penerjun gabungan pasukan khas daripada 11 negara sahabat serta anggota-anggota dari Skuadron 31 TUDB dan RPK (atas, atas kiri dan kiri). Manakala gambar kiri sekali, baginda dijunjung bagi Upacara Memotong Kek sempena Sambutan HUT ABDB Ke-63.



>> Muka 6

Baginda dan kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Mes Pegawai Penanjong Garison bagi Majlis

Santap Tengah Hari.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM dan kerabat diraja dijunjung bagi Upacara Memotong Kek sempena Sambutan HUT ABDB Ke-63 dan

KEBAWAH DYMM dan kerabat diraja dijunjung berangkat ke Dewan Nikmat bagi menyaksikan Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan yang menampilkan peralatan dan teknologi terkini yang terdiri daripada syarikat-syarikat industri pertahanan antarabangsa daripada 20 negara, dengan hasrat untuk membantu ABDB menjana usaha memperkembangkan keupayaan operasi ke arah pertahanan negara yang lebih mampan (atas kiri, atas dan kiri).

seterusnya menerima pesambahan daripada gabungan pegawai-pegawai dan lain-lain peringkat ABDB.

Ini diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT.

Kebawah DYMM serta kerabat diraja kemudiannya dijunjung bagi Majlis Ramah Mesra bersama Duta-duta Besar Istimewa dan Mutlak, dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya

Tinggi serta Penasihat-penasihat / Atase-atase Pertahanan ke Negara Brunei Darussalam; para penerjun Solidarity Jump, para peserta Kursus Maktab Turus di Akademi Pertahanan ABDB, kursus antarabangsa di Pusat Evolusi IL ABDB; para pesara ABDB, anggota gabungan peringkat ABDB dan para penaja.

Baginda seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM serta kerabat diraja dijunjung untuk bergambar ramai bersama mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan dan mantan-mantan Pemerintah ABDB, jemputan khas, pegawai-pegawai kanan ABDB, anggota gabungan peringkat ABDB dan juga para penerjun Solidarity Jump.

Sambutan HUT ABDB tahun ini membawa tema 'Bersama Menjayakan Wawasan Negara' yang menzhirkan penglibatan dan komitmen ABDB sebagai sebuah organisasi keselamatan negara yang berkembang maju dan berwibawa, mengamalkan nilai-nilai terasnya dan bersatu padu dalam mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan seterusnya menjayakan dan mendukung gagasan negara ke arah Wawasan Brunei 2035, dengan sentiasa bertunjangkan tiga tonggak utama pertahanan yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan Kemas Kini 2021 bagi mempertahankan kedaulatan negara dan integriti wilayah, iaitu melalui tonggak cegah rintang dan tindak balas, diplomasi pertahanan dan pertahanan holistik.



KEBAWAH DYMM dan kerabat diraja dijunjung berangkat ke Mes Pegawai Penanjong Garison bagi Majlis Santap Tengah Hari (atas), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan beramah mesra dan mendengarkan sembah penerangan.



PAMERAN KETENGAHKAN KELENGKAPAN KEUPAYAAN BAHARU ABDB, INDUSTRI PERTAHANAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat menyaksikan Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan semasa Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 yang diadakan di Dewan Nikmat, Penanjong Garison (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



TUTONG, Sabtu, 1 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan semasa Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-63 yang diadakan di Dewan Nikmat, Penanjong Garison.

Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja mula-mula berkenan menyaksikan Pameran

Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan yang menampilkan peralatan dan teknologi terkini yang terdiri syarikat-syarikat industri pertahanan antarabangsa daripada 20 buah negara, di mana ia diharaskan akan dapat membantu ABDB menjana usaha memperkembangkan keupayaan operasi ke arah pertahanan negara yang lebih mampan.


Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan adalah merupakan Segmen Ketiga acara Sambutan HUT ABDB Ke-63. Segmen tersebut mempamerkan dua bahagian pameran yang terdiri daripada Pameran Kelengkapan Keupayaan baharu ABDB dan Pameran Industri Pertahanan.

>> Muka 9

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas



PADUKA-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan mendengarkan sembah penerangan.





SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja ketika berangkat menyaksikan Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan (atas, kanan dan bawah kanan).

>> Muka 8

Dengan membawakan tema 'Defending the Nation Together : Enhancing Integrated Land Operations' yang bermatlamat untuk meningkatkan kesepaduan pertahanan negara di antara ABDB dan agensi-agensi awam serta bukan kerajaan, pameran ini mengetengahkan kelengkapan dan aset-aset terkini yang diperoleh unit-unit dalam mencapai misinya.

Selain itu, Pameran Industri Pertahanan memfokuskan kepada perkembangan dan inovasi merevolusikan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) pada

masa hadapan dengan bertindak sebagai *force multiplier* untuk mencapai saling kebolehoperasian sejar dengan konsep operasi *combined arms* di samping mempamerkan kelengkapan-kelengkapan sekuriti yang diperlukan agensi-agensi keselamatan lain.

Pameran pada kali ini juga menunjukkan komitmen ABDB dalam menjaga keamanan negara dan mempertahankan kedaulatan tanah air dengan pendekatan Whole of Nation bersama agensi-agensi keselamatan yang lain.

Melalui konsep kesepaduan ini juga, penerokaan ABDB dalam memperkembangkan



keupayaannya melalui teknologi terbaru akan menjadi pemacu utama *nucleus* industri pertahanan di Negara Brunei Darussalam dengan penglibatan agensi-agensi bukan kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan. Industri pertahanan tersebut seterusnya diharapkan akan mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi mencapai pembangunan ekonomi dinamik dan mampan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan (atas), Manakala gambar atas kanan, kanan dan kanan sekali, paduka-paduka anakanda baginda berkenan melawat beberapa petak pameran yang menunjukkan komitmen ABDB dalam menjaga keamanan negara dan mempertahankan kedaulatan tanah air dengan pendekatan Whole of Nation bersama agensi-agensi keselamatan yang lain.

RAIH GANJARAN PAHALA BULAN ZULHIJAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Perkara tersebut antara yang telah disampaikan di dalam tazkirah bertajuk, 'Meraih Pahala di Bulan Zulhijah' oleh Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk dari Masjid Kampung Kilanas bagi menyemarakkan lagi Malam Munajat Kali Ke-137 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Acara Munajat anjuran KHEU diteruskan lagi baru-baru ini dengan mengundang tetamu khas, Naib Yang Dipertua Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Masjid Kampung Kilanas.

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut mengimarahkan Malam Munajat ialah Ahli-ahli Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam; tenaga pengajar dan

siswa-siswa Diploma, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah dari Masjid Kampung Kilanas; Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong serta mereka yang hadir secara fizikal mahupun secara maya dari 67 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Juga menyerikat lagi Malam Munajat tersebut ialah warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh siswa Tahun 3, Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB, Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh dari Musolla ITQSHHB. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai dipimpin oleh siswa Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB, Awang Muhammad Hasif Hasbullah bin Mohamad Sahrul.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara



MALAM Munajat Kali Ke-137 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Awang Norezam bin Haji Zaini dari masjid berkenaan.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon

keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Kukuhkan komitmen, capai matlamat kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Yang Berhormat menyampaikan bahawa untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dikekalkan serta dimantapkan secara berterusan, NBD telah pun menambahkan peruntukan bagi perbelanjaan penjagaan kesihatan bagi tahun kewangan ini berbanding tahun-tahun lepas.

Di samping itu juga, pihak Kementerian Kesihatan adalah dalam proses menyemak semula Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi mengukuhkan dan memampangkan lagi sistem penjagaan kesihatan negara untuk masa hadapan, selaras dengan konsep Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage - UHC) iaitu pengukuhan kepada penjagaan kesihatan asasi dan bukan sahaja memfokuskan kepada penjagaan akut dan episodik.

Untuk itu, pendirian NBD adalah untuk memastikan Perjanjian Pandemik yang dipersetujui akan menghormati prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan antara negara serta menghasilkan penambahbaikan yang bermakna dalam kesiapsiagaan dan tindak balas wabak.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menekankan bagi tema 'Kesihatan untuk Semua' untuk mempunyai makna yang signifikan, ia juga harus merangkumi mereka yang berada dalam keadaan kecemasan manusiaan.

Untuk itu, NBD menyuarakan keselamatan dengan keadaan berterusan di Gaza dan wilayah Palestin yang dijelajahi yang

memainkan peranan penting dalam mengintegrasikan *health intelligence* dan penganalisaan data dengan lebih baik untuk memacu penggubalan dasar dan penyampaian program-program kesihatan.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyuarakan 'Kesihatan untuk Semua' mencerminkan perpaduan dan tanggungjawab bersama negara-negara anggota kepada satu sama lain, di mana NBD adalah terlibat di dalam perundingan Perjanjian Pandemik baharu dan juga pindaan kepada International Health Regulations.

Sebagai sebuah negara kecil, mengukuhkan struktur keselamatan kesihatan global adalah penting untuk kepentingan negara dan selaku barisan pertahanan pertama dalam menghadapi kecemasan kesihatan awam masa hadapan.

Untuk itu, pendirian NBD adalah untuk memastikan Perjanjian Pandemik yang dipersetujui akan menghormati prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan antara negara serta menghasilkan penambahbaikan yang bermakna dalam kesiapsiagaan dan tindak balas wabak.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menekankan bagi tema 'Kesihatan untuk Semua' untuk mempunyai makna yang signifikan, ia juga harus merangkumi mereka yang berada dalam keadaan kecemasan manusiaan.

Untuk itu, NBD menyuarakan keselamatan dengan keadaan berterusan di Gaza dan wilayah Palestin yang dijelajahi yang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-77 (77th World Health Assembly) yang berlangsung di Geneva, Switzerland bermula pada 27 Mei hingga 1 Jun 2024.

mengakibatkan ribuan kematian dan kecederaan termasuk kepada pekerja-pekerja kesihatan dan bangsa-bangsa bersatu serta menggesa bagi semua pihak yang terlibat untuk memenuhi kewajipan mereka di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa, terutamanya yang berkaitan dengan perlindungan orang awam dan kakitangan perubatan.

Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-77 ini membincangkan mengenai pelbagai isu kesihatan awam dan global yang penting termasuk berkaitan UHC, kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, imunisasi, kekebalan antimikrobial (*antimicrobial resistance*), malaria,

tindakan dan kesiapsiagaan kepada kecemasan kesihatan awam, pemakanan ibu-ibu dan anak damit dan perubahan iklim dan pencemaran. Perhimpunan juga sebulat suara bersetuju bagi NBD dilantik sebagai Ahli Lembaga Eksekutif WHO bagi tempoh Mei 2024 sehingga Mei 2027.

Semasa di Geneva, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah membuat perbincangan dua hala dengan Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Dr. Dzulkefly bin Ahmad mengenai kerjasama bidang kesihatan yang berkepentingan di antara kedua-dua buah negara dan juga serantau.

Yang Berhormat juga telah berkesempatan membuat perjumpaan bersama Pengarah International Agency for Research on Cancer (IARC), Dr. Elisabete Weiderpass iaitu satu agensi kepakaran mengenai kanser WHO.

Tujuan perjumpaan ini adalah bagi mengetahui mengenai peranan agensi berkenaan dan membincangkan peluang kerjasama dengan agensi tersebut berkaitan dengan penyelidikan penyakit kanser di negara ini, termasuk penganalisaan data genetik, implementasi dan penilaian program pencegahan kanser, akses kepada maklumat saintifik, program latihan dan fasiliti Biobank.

Kedutaan Republik Turkiye raikan Hari Sarapan Sedunia



ANTARA yang hadir pada Hari Sarapan Sedunia yang disambut di Kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Jun. - Hari Sarapan Sedunia telah disambut di Kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama beberapa Menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan pegawai tinggi kerajaan, baru-baru ini.

Hari Sarapan Sedunia tahunan ditetapkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada Ahad pertama setiap Jun.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy meraikan tetamu di kediaman beliau dengan hidangan sarapan pagi, iaitu masakan tradisional Turkiye.

Masakan Turkiye yang disediakan oleh cef di Kedutaan

Republik Turkiye, Adem Can yang menjanjikan set hidangan dengan rasa dan aroma yang pelbagai untuk tetamu.

Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dalam ucapan alu-aluannya, menekankan kepentingan utama sarapan dalam budaya Turkiye.

Bagi rakyat Turkiye menurut Tuan Yang Terutama, pusat masyarakat ialah keluarga dan di tengah-tengah keluarga ialah meja sarapan di mana mereka memulakan hari dengan berkumpul dan ini penting dalam semua keluarga tanpa pengecualian.

Tambah TYT, sarapan adalah masa apabila ahli keluarga berkumpul dan berbual-bual mengenai aktiviti harian mereka dan membuat rancangan untuk malam seterusnya.

Beliau menambah bahawa

sarapan Ahad adalah sangat penting kerana ia diikuti dengan hidangan teh dan kopi Turkiye yang dibancuh secara tradisional dan sering bertukar menjadi medan perkumpulan keluarga dan rakan-rakan beramah mesra.

Perayaan tahun lepas dipenuhi dengan beberapa aktiviti, yang diadakan bukan sahaja di seluruh Turkiye tetapi juga 257 perwakilan asing seluruh dunia.

Tempat yang menjadi tumpuan

MASAKAN Turkiye menjanjikan set hidangan dengan rasa dan aroma yang pelbagai untuk para tetamu.

bagi sambutan itu ialah wilayah Van di Timur Turkiye, yang dikenali sebagai ibu kota sarapan dunia



Siaran Akhbar dan Foto :
Kedutaan Republik Turkiye

dengan meja sarapan yang besar, pelbagai dan mewah.

Turkiye memulakan Hari Sarapan Sedunia pada 2020 dan mengisytiharkannya sebagai Ahad pertama setiap Jun, dan baru-baru ini memohon kepada UNESCO untuk mendaftarkan budaya sarapan yang dihargai sebagai World Intangible Cultural Heritage.

Masakan Turkiye adalah salah satu masakan paling menyelerakan dan kaya dalam dunia seni kuliner dan gastronomi dan orang-orang Turki sangat terkenal menggemari makanan seperti juga rakyat di negara ini.

Sarapan merupakan sebahagian daripada budaya bagi penduduk Turkiye dan walaupun ia berbeza mengikut rantaunya, sarapan Turkiye amnya, kaya dengan nutrien, lazat dan dipenuhi dengan ramuan yang menyihatkan.

Sayur-sayuran, tomato, timun dan lada dimakan bersama minyak zaitun Mediterranean semasa sarapan pagi bersama pelbagai jenis keju, telur, buah zaitun, madu dan mentega, serta roti kampung pelbagai bijirin, roti jagung dan simit, bagel bijan Turkiye adalah hidangan yang paling digemari untuk sarapan di negara ini.

TEKAD BAWA PERUBAHAN POSITIF DALAM INDUSTRI PELANCONGAN

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

SENGKURONG, Sabtu, 1 Jun. - Agency Sendirian Berhad telah dirasmikan pada pagi ini bertempat di Bangunan Izaaz, Jalan Maharaj

Agency Sendirian Berhad telah dirasmikan pada pagi ini bertempat di Bangunan Izaaz, Jalan Maharaj

Dinda, Kampung Sengkurong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian syarikat berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Menurut Pengarah Urusan syarikat tersebut, Awang Hamidun bin Haji Mahat dalam ucapannya menjelaskan bahawa syarikat baru, Syarikat Maduli Travel Agency Sendirian Berhad akan membawa perubahan positif serta inovasi dalam industri pelancongan.

Jelasnya, syarikat berkenaan ditubuhkan pada 8 September 2023 untuk menyediakan satu agensi yang dapat memberikan perkhidmatan pelancongan yang mudah, menarik dan mampu dimiliki oleh semua, termasuk pelancongan di dalam negara.

"Syarikat kami ini akan dapat menyediakan produk dan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan perasmian Syarikat Maduli Travel Agency Sendirian Berhad.

perkhidmatan yang berkualiti tinggi yang bukan saja memenuhi tetapi juga melebihi jangkaan pelanggan kami. Sebagai permulaan, syarikat kami menyediakan perkhidmatan pelancongan dalam negara seperti melawat ke tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam dan pelancongan ke luar negara seperti Paket Umrah, yang mana rombongan pertama akan berangkat insyaAllah pada bulan

Ogos ini," ujarnya.

Syarikat berkenaan menawarkan perkhidmatan seperti ibadah umrah, badal haji, badal umrah, ibadah korban, ibadah akikah kepada orang ramai. Antara Paket Umrah yang ditawarkan termasuk tiket penerbangan, pengurusan visa, perlindungan takaful, lawatan ke tempat bersejarah, perkhidmatan pengangkutan, menasik umrah, Air Zam-zam (5 liter) dan Mutawif.



SYARIKAT Maduli Travel Agency Sendirian Berhad akan membawa perubahan positif serta inovasi dalam industri pelancongan.

Teroka aktiviti kesukarelawan, lahirkan pemimpin masa depan



SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Penutup Program Pertukaran Pemimpin Belia Republik Singapura-Brunei (SBYLEP) Kali Ke-9 (atas dan kanan).

>> Muka 1

Tema SBYLEP Ke-9 ini ialah 'Kesukarelawan' yang bertujuan untuk meneroka bagaimana belia boleh mengambil bahagian dalam aktiviti kesukarelawan dengan cara yang lebih mapan, berkesan dan kolaboratif dengan pelbagai pihak berkepentingan selain untuk memastikan ia berkesan dan inklusif dalam memacu kemajuan dalam kalangan masyarakat.

Dengan pelaksanaan program ini secara berterusan, adalah

dihadarkan ia agar akan dapat melahirkan pemimpin-pemimpin dari kalangan generasi muda (NBD dan Republik Singapura) yang akan dapat bekerjasama dalam mengukuhkan hubungan antara kedua-dua buah negara ke arah menggalakkan pemahaman dan perpaduan pemimpin 'Nextgen' dari kedua-dua buah negara.

Di samping itu, ia juga diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kefahaman terhadap dasar, sistem dan hubungan negara serta pertukaran

pandangan atau saranan dalam mana-mana perbincangan dari kalangan delegasi kedua-dua buah negara.

Dalam Majlis Penutup program ini, para peserta SBYLEP Ke-9 turut mengongsikan pengalaman yang mereka pelajari antaranya mengenai hal ehwal kesukarelawan yang bukan sahaja memberi perkhidmatan bantuan bahkan memahami keperluan golongan yang dibantu.

Para peserta turut berpeluang membuat kerja-kerja kesukarelawan di MINDS -



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Empowering lives of persons with intellectual disability, Bird Paradise - Mandai Wildlives Reserve serta membuat lawatan dan aktiviti simulasi di Youth Corps Singapore.

Beberapa sesi dialog turut diadakan yang membincangkan bagaimana untuk menjadi sukarelawan belia yang lebih mapan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat.

Turut hadir ialah Menteri Negara bagi Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Kesihatan, Republik Singapura,

Puan Rahayu Mahzam; Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Haji Ahmad Nasri bin Dato Dr. Haji Abdul Latif; dan Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, NBD, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Setiausaha Tetap (Kebeliaan) dan beberapa pegawai kanan KKBS juga membuat Lawatan Kerja ke Outward Bound Singapura, Pulau Ubin, The Red Box, National Youth Council, Bird Paradise - Mandai Wildlives Reserve dan seterusnya menghadiri Majlis Penutup bagi SBYLEP Kali Ke-9.

JMSDF PERKENALKAN SENI, KEBUDAYAAN JEPUN

di negara ini.

JMSDF telah berada di negara ini bermula 30 Mei hingga 2 Jun

sebagai sebahagian daripada Pelayaran Latihan Luar Negara 2024.



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyaksikan persembahan tersebut selaku tetamu kehormat majlis (atas kanan).



SEKITAR Pameran Kebudayaan yang bertujuan untuk memperingati Ulang Tahun Hubungan Diplomatik antara NBD dan Jepun yang Ke-40 (atas kiri, kiri dan kanan).



23 ANAK DAMIT 31 MEI DIRAIKAN



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Jun. - Seramai 23 anak damit telah dilahirkan pada Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja



Manfaat penyimpanan wang secara digital

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Jun. - Berikutan perkembangan teknologi, pengurusan kewangan secara digital telah menjadi lebih penting dan relevan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan digital, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sukacita mengongsikan artikel bersiri yang mengetengahkan perkhidmatan digital di Negara Brunei Darussalam.

Sempena Hari Menabung Kebangsaan yang disambut setiap 28 Mei, artikel ini akan membincangkan cara-cara menggunakan perkhidmatan perbankan digital untuk menyimpan wang serta manfaatnya.

Secara tradisinya, menyimpan wang memerlukan orang ramai untuk pergi ke cawangan bank, melengkapkan borang dan seterusnya mendepositkan wang ke dalam akaun simpanan. Walau bagaimanapun, dengan adanya teknologi, menyimpan wang telah menjadi lebih mudah dan efisien.

Platform perbankan digital telah mengubah cara orang ramai mengendalikan dan mengurus wang. Dengan hanya beberapa klik pada telefon pintar, awda boleh membuka akaun simpanan, membuat pemindahan wang secara automatik, memantau perbelanjaan dan matlamat kewangan pada bila-

Brunei (HUT ABDB) yang Ke-63 pada 31 Mei 2024.

Daripada jumlah berkenaan, 20 anak damit telah dilahirkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di Bandar Seri Begawan.

Manakala dua lagi anak damit dilahirkan di Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait dan seorang anak damit telah dilahirkan di Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Jerudong.

Setiap anak damit telah menerima cenderahati sumbangan daripada ABDB dan Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI).

Penyampaian cenderahati pada

PENYAMPAIAN cenderahati pada majlis yang berlangsung di Hospital RIPAS disempurnakan oleh isteri Pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini (atas dan kiri).

majlis yang berlangsung di Hospital RIPAS telah disempurnakan oleh isteri Pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini.

Turut hadir ialah isteri Pemangku Pemerintah Markas Angkatan Bersama, ABDB, Pengiran Hajah

Siti Norbaya binti Pengiran Haji Mohammad.

Di Hospital SSB, Kuala Belait cenderahati disampaikan oleh isteri Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Pengiran Hajah Rozedah binti Pengiran Haji Sulaiman.

Sementara itu, isteri kepada Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei dan juga wakil BAKTI, Datin Noraizah binti Haji Ibrahim menyampaikan cenderahati di Hospital JPMC, Jerudong.

Turut hadir pada majlis majlis yang diadakan serentak tersebut ialah Pegawai-pegawai ABDB, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif berserta kakitangan hospital-hospital serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir BAKTI.

Sambutan ini merupakan majlis tahunan bagi menyambut kelahiran anak damit pada HUT ABDB.

Di samping itu, majlis ini juga secara tidak langsung telah memperkenalkan akan kepentingan ikatan kekeluargaan dalam kalangan anggota ABDB khasnya dan masyarakat amnya.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak

mengutamakan keselamatan wang dan maklumat peribadi awda melalui penyulitan (*encryption*) yang teguh, pengesahan pelbagai faktor (*multi-factor authentication*) dan langkah-langkah keselamatan yang lain. Ia juga menyimpan sejarah transaksi dan penyata akaun untuk rujukan awda.

Ingatlah, awda bertanggungjawab

untuk menguruskan akaun awda sendiri dengan cermat. Simpan maklumat akaun dengan selamat dan laporan sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Elakkan menggunakan akaun peribadi awda untuk menjalankan perniagaan lain serta jangan sekali-kali menjadi keldai akaun dengan menyewakan akaun awda kepada

sesiapapun.

Sempena Hari Menabung Kebangsaan, marilah memanfaatkan perbankan digital untuk menyimpan wang untuk membina masa depan kewangan yang lebih cerah. Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi +673 8318388 atau e-mel info@bdcb.gov.bn.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Jadilah Ibu Bapa Bertanggungjawab’. Tarikh Tutup : 5 Jun 2024
- ‘Jujur, Amanah Dalam Berniaga’. Tarikh Tutup : 12 Jun 2024
- ‘Hentikan Generasi Pembuli’. Tarikh Tutup : 19 Jun 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU



KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 / DITU / TA / 05
Pembelian 'Support Renewal For Smartzone 300'

Yuran Tawaran :
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

2. Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 / DITU / TA / 06
Pembelian "Core Switch"

Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu Isnin, 24 Jun 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 2 Julai 2024
Jam 2.00 Petang

JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 28 / 24-25
The Provision Of Canteen Services At RTB Sg. Akar Broadcasting Complex

Bayaran Yuran / (Termasuk e-dokumen):
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas / (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 12 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024 - 2025 / UP / 01

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Maintenance of Decorative Lightings At Bandar Seri Begawan For 78th Royal Birthday Celebration

**Hari Tarikh
dan Jam Tutup:**
Khamis,
6 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet Di Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3 Flat Perumahan Kerajaan Jalan Seri Beribi Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan.

JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 07 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Kecil Kemudahan Awam Di Taman Permainan Riadah Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
12 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
KKBS / OBBD / F-004 (02-2024)

Tajuk Tawaran:
Membekal Peralatan / Perkkas Kegiatan Darat Bagi Mengendalikan Aktiviti di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran :
KKBS / OBBD / F-004 (02-2024)

Tajuk Tawaran:
Membekal Peralatan / Perkkas Kegiatan Darat Bagi Mengendalikan Aktiviti di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup :
13 Jun 2024 (Khamis)

JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Tawaran Bilangan :
JDBM / SH / BUFFET / KUEH / K / 12 / 2024

Tawaran:
Menyediakan / Membekalkan 3 Jenis Kuih Berserta 1 Botol Kecil Air Putih dan 1 Kotak Minuman Manis Secara Buffet Semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Bercemar Duli dan Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (Bagi Penuntut Pengibar Bendera dan Hadrah) - 2,500 Orang

Tarikh Tutup :
Selasa, 18 Jun 2024
Jam 12.00 Tengah Hari

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
KKBS / OBBD / F-004
(02-2024 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (2 Year) For Cleaning (Building And Compound) And Grass Cutting For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)
At Batang Duri And Belalong Camp, Temburong District

Tarikh Tutup :
6 Jun 2024 (Khamis)

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**Iklan Tarikh Lanjutan**

Dibukakan Kepada "Architect Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 06 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
For Consultancy Services For Consortium Under Architect Consultant For Blok Baharu, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
14 Mei 2024

Tarikh Tutup Tawaran dilanjutkan kepada :
Selasa,
11 Jun 2024

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 11

Tajuk Tawaran:
Pengurusan dan Pengendalian Gerai Perayaan Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun Bagi Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup :
Sabtu,
15 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Tawaran:
RTB / K / 44 / 24 – 25 – Perkhidmatan Penggambaran dan Penyuntingan Bagi Drama TV Berdurasi 30 Minit Sebanyak 15 Episod Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
12 Jun 2024
Jam 2.00 Petang





**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran:
(53)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For
1). Squash Center, HBNSC
2). Lawn Ball, HBNSC
3). Petanque Court, HBNSC
4). Top Spinning Court, (Gelanggang Gasing, HBNSC

2. Bilangan Tawaran:
(54)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Membekalkan Cartridge HP Laserjet Printer Bagi Stok Simpanan Pusat Stor Jabatan Belia dan Sukan

3. Bilangan Tawaran:
(55)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Supply, Delivery, Install And Warranty For Sport Podiatry Clinic Devices, SMRC

4. Bilangan Tawaran:
(56)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
General Bulding Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Jerudong Sports Complex

5. Bilangan Tawaran:
(57)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Urgent Adhoc General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty Four (24) Months For All Sports Complex Building (Brunei Muara District)

6. Bilangan Tawaran:
(58)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For National Swimming Pool, HBNSC

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
20 Jun 2024



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 / MAB / TA / 02
Pembelian Baharu Lesen Bagi Perisian Symantec Endpoint Protection (3 Years License)

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum Tarikh Tutup tawaran, iaitu **Selasa 11 Jun 2024**.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 25 Jun 2024
2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
KHEDN / UTM / LTK / 01 - 2024

Two (02) Years Term Contract For The Supply And Delivery Of Printer Toners For Ministry Of Home Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 11 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DibukaKan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
11 Jun 2024

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 21 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Menaitkaraf Jambatan Pejalan Kaki Yang Berhubung Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer dan Jambatan Pejalan Kaki Perumahan Lorong Sikuna

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Jun 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 03 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Kecil dan Mencat Bangunan Gerai Selera Tutong, Jalan Menteri Taib, Pekan Tutong

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 04 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Aset-Aset Jabatan Bandaran Tutong (Banglo JKR No. 82 & 83 Kelas 'F', Jalan Sungai Basong).

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 12 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

1.Tajuk Sebut Harga:


RTB / K / 32 / 24 - 25
Percetakan Dan Pembekalan Custom Designed Recycle Bag Dan Foldable Fan With Pouch Untuk Cenderamata Responden Kajian

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

سردال سري

إسلام أكام کداماين

کتهوليه، جك دتقدير کن کوکور دالم برجواع منشع موسوه کران نکارا
دان مفتراهنکن کسوجين أکام إسلام، کوکورن اداله ماتي شهيد. قد حقين
سسياف يع ترقیان دالم فرجواعن مبیلا أکام، مریک تیدقاه ماتي، بهکن مریک
هيلوف دعن کادأن يع ایستيمبوا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
دالم سوره آل عمران آية ۱۶۹:

تفسیر:

دان جاعنه سکالي-کالي أغکارا مېگل بهها اورغ ۲ يع تربونه (ماتي
شهيد) دجالن الله ايت ماتي، بهکن سبېرن مریک ايت هيلوف دسيسي توهن
مریک دعن دکورناکن رزقي.

سماشت فروپرا سهاروسن بوکن هان اد قد تئرا تئاچي فلوا اد قد سموا
لاقيسن مشاركت کران نکارا مېلوكن رعيت يع ماھو برجواع دان برقریان
باکي مفتراهنکن نکارا. اووله ايت فراسان چيتا قد أکام، راج دان نکارا
فلوا دمای، نیالی کمربیکان دان کامانن فلوا دھرکای. جاديکله قمودا
قمودي نکارا این قمودا قمودي يع جوکس دان کاكه دري سکي قېزیکل دان
متنل.

جماعه يع درجمي الله،

ماريله کيت سام ۲ منائکن سماعت چيتا قد أکام، چيتا قد
کمربیکان، نکارا دان بعسا، کران دعن دمکين اکن لاهره فراسان کاسه
دان ريلا برقریان. کيت بردعاه سموک نکارا کيت يع ترجيحتا اين ستیاس دباوه
ليندوغان دان قملپهارا عن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يع مها فتعامیه لاکي مها قپايغ. آمين
يا زېب العالمين.

{ سوره آل عمران آية : ۱۳۹ }

تفسیر:

دان جاعنه کامو مراس له (دالم منککن إسلام) دان جاعنه فولا
کامو برسديه قد حل کاموله اورغ ۲ يع ترېغکي (درجنن) جك بېر کامو
اورغ يع بریمان.

بارک الله لنا في القرآن العظيم، وَنَفَعَنَا بِالآيَاتِ وَالدُّكْرِ الْحَكِيمِ. وَنَقْتَلَ مَنْ
تَأْوَلَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِي نَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَلِيَجْهَةِ
التَّائِبِينَ.

منککن کعاديلن، إسلام ملارغ ففرغون اوتنوق توجوان ملواسکن کواس،
فغاروه اتاو جاجهن تعloc، يکیتو جوك ملارغ ففرغون کران میالس دنل،
سهيڭکوھن اورغ يع فالیغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ایاله اورغ يع فالیغ
برتقوی، موده-مودهن کيت منجادی إنسان يع ستیاس مغایعني الله
سبیحکیه و تعالی، براوله کچیان دان کسلامن دنیا دان جوك داخیره.

جماعه يع درجمي الله،

جماعه يع درجمي الله،
برتقوی له کيت کحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیشکن کلامان کتمدن،
سیغکوھن اورغ يع فالیغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ایاله اورغ يع فالیغ
برتقوی، موده-مودهن کيت منجادی إنسان يع ستیاس مغایعني الله
سبیحکیه و تعالی، براوله کچیان دان کسلامن دنیا دان جوك داخیره.

جماعه يع درجمي الله،

إسلام اداله أکام يع منجیتای کداماين دان کامان دان مینجی
فرموسوهن. کامان، کستوسان دان کستابیلن هيلوف رعيت مروفاکن
هارفن دان حسرت سیاف نکارا، بایک نکارا کچیل ماھوڤون بسر، سام اد
ای نکارا إسلام اتاوقون بوکن إسلام. کسلوروھنن معهارفکن کامان دان
کعمورن.

إسلام مموليپکن جهاد برسنجات دلاکون افایلا اورغ إسلام دفرغی
دان دظامی، دھالاو دري کامفوغ هلامن دان رومه مریک، هرتا درمقس،
دتکه دري بریمان کقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان براکو فتحروپوھن ترهادف
مسجد. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سوره الحج آية ۴۰-۴۹ يع تفسیر: تله
داینیکن (برفرغ) باکي اورغ ۲ (اسلام) يع دفرغی دسيکن مریک ايت تله
ظامی دان سسوغکوھن الله مها برکواس اوتنوق متلوغ مریک (منجای
کمنهن). (ایلت) مریک يع داؤسیر دري کامفوغ هلامن مریک دعن تیدق
بردارسکن سواتو السن يع بزر، (مریک ايت داؤسیر) هان دسيکن مریک
برکات: "توهن کامي ایاله الله."

جلس کقد کيت بهارا إسلام مفهاروسکن فرغ افایلا دالم کادأن
ترقسا باکي مفتراهنکن دري، منککن کعاديلن دان مفتراهنکن عقبیة.
إسلام مکاريسکن باتس ۲ يع مسني دفاتوري دان دایکوتی کتيک فرغ. جك
موسوه ايغان بردايم، مک اورغ إسلام واحد مغېتىك ففرغ، اورغ إسلام
دفرىتەكىن سوغاي تيدق ملاکون کرموسوهن دان منجاپول حق اورغ لاي.
ففرغون بوكنله چارا هيلوف اورغ إسلام، ففرغون اداله قېلىپەن تاچىر سىلە
تىدق اد جالن قىلسابىن.

إسلام اداله أکام کامان دان منتونت سوقاي سیاف اومتن بروسها
کاره کامان، تئا مغۇرا أکام، بعسا دان نکارا، سلاکى كحرمن أکام إسلام
دان کامان اورغ إسلام ترجمىن دان تىدق دجاپولى.

جماعه يع درجمي الله،

سسوغکوھن توکس سباکى تئرا اداله امت مولى، توکس يع مریک
فيکول امت پسر كتجارىن افانه لاکى جك دسرتاي دعن نية إخلاص کران
الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سوره الصف آية ۱۱-۱۰:

تفسیر:

واھي اورغ ۲ يع بریمان! ماھوکه کامو اکو توغۇقکن سواتو فرنياکان
يغ بولىھ مېلەتكن کامو درەد عذاب يع فدیه؟ (ایلت) کامو بریمان کقد الله
دان رسول سرتا کامو برجهاد قد جالن الله دعن هرتا بندان جىوا کامو، يغ
دمکين ايت لىيھ بایک باکي کامو جك بېر کامو مغۇھى.

دالم إسلام وجودۇن قاسوقن برسنجات بوكنله نية اوتنوق ملاکون
فتحروپوھن دان قغانیايان ترهادف سیاف، تئاپ دکوناکن باکي مفتراهنکن
دري دان نکارا دري آلمىن، قىچىياتن دان فتحروپوھن. مافن اکام إسلام
مالارغ اومتن دري مولاکن سيارغ ففرغ تئا سىب ۲ يع مناسبه دان کوکوه
سەرتى دفرغى دان سپاکىن.

دالم حال اينله براکون ساله فهم سهيڭکن تېمۈل تودوھن دان تەكىن
مېنىس يع معاڭاتىن إسلام ايت دسیار کن دعن كظرىن، كظملىن دان إسلام
ایت مەڭالقىن ففرغ. مریک مندۇغا إسلام ترسىيبار اداله دعن ففرغ.

باکي مېتولكىن ساله فهم يع براکو اين، فروله دكتهوري دان دفهمى
فرىنسىف سېنر ففرغ دالم إسلام. إسلام تىدق اکن مېرغى سسیاف تئاپ اکن
برجهاد (برجواع) جك دفرغى، ففرغ دالم إسلام تىدق بولىھ براکو دان
تىدق بولىھ دجتوسکن ملايدىكىن اتس سىب ۲ ترتنى سەرتى مفتراهنکن دري
دان منتش فتحروپوھن، مفتراهنکن دري قغانیايان دان كظملىن دان

JEMAAH HAJI DSSB ZIARAH KOTA MADINAH

Siaran Akhbar dan Foto :
Darussalam Services Sendirian Berhad



ARAB SAUDI, Sabtu, 1 Jun. - Rombongan jemaah haji Pakej Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) meneruskan aktiviti harian dengan menziarahi keliling Kota Madinah Al-Munawwarah. Atur cara lawatan termasuklah menziarahi ke Masjid Quba, Kebun Kurma, Jabal Uhud, Masjid Qiblatain dan Masjid Tujuh. Ia merupakan tempat-tempat bersejarah awal keagungan Islam zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Masjid Quba merupakan tempat lawatan pertama jemaah, sejarah mula terbinanya Masjid Quba adalah ketika Rasulullah sampai di Quba di permukiman Qabilah Amar bin Auf, di mana Rasulullah tinggal di rumah Kulsum bin Alhadim. Selama Baginda berada di Quba, Baginda membina Masjid Quba.

Sebelum meneruskan perjalanan ke Madinah. Walaupun Rasulullah sudah meninggalkan Quba dan menetap di Madinah, Baginda

sentiasa ke Masjid Quba pada setiap Sabtu dengan berjalan kaki atau menaiki unta bernama Al-Qaswa. Kelebihan solat sunat di Masjid Quba menyamai ganjaran pahala mengerjakan umrah.

Sebelum meneruskan lawatan ke Jabal Uhud, jemaah dibawa ke Kebun Kurma, di mana para jemaah berkesempatan melihat secara dekat pokok kurma di samping berpeluang membeli-belah untuk dijadikan sebagai buah tangan apabila pulang ke tanah air nanti.

Kota Madinah terkenal dengan tanaman kurmanya sejak zaman Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi. Salah satu kurma yang terkenal di Madinah ialah Kurma Ajwa atau juga dipanggil Kurma Nabi.

Manakala Jabal Uhud (Bukit Uhud) merupakan antara tempat bersejarah di zaman keagungan Islam iaitu tempat berlakunya Perang Uhud pada Tahun 3



ROMBONGAN jemaah haji Pakej Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) meneruskan aktiviti harian dengan menziarahi keliling Kota Madinah Al-Munawwarah (kiri, atas dan bawah kanan).

Hijrah, sebahagian jemaah tidak melepaskan peluang menaiki bukit memanah tersebut di mana ditempatkan pasukan pemanah tentera Islam pada ketika itu.

Rombongan juga dibawa menziarahi kuburan syuhada Uhud di mana juga dimakamkan Sayyidina Hamzah bin Abdul Mutalib, bapa saudara kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang syahid dalam Perang Uhud.

Kehebatan dan kebesaran Bukit Uhud ini sehingga digambarkan sebagai ganjaran pahala sembahyang jenazah di Madinah dan salah satu bukit-bukit di syurga nanti.

Lawatan diakhiri dengan melintasi Masjid Qiblatain atau dikenali dengan Masjid Dua Qiblat. Di sinilah berlakunya sejarah pertukaran kiblat pertama Masjidil Aqsa ke Masjidilharam Mekah iaitu pada bulan Syaaban Tahun Ke-2 setelah Rasulullah menetap di Madinah, ketika turunnya ayat 144, Surah Al-Baqarah yang bermaksud : "Kami melihat wajahmu



(Muhammad) sering menengadah ke langit, maka akan kami palingkan engkau ke kiblat yang engkau senangi. Maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjidilharam. Dan di mana saja engkau berada, hadapkanlah wajahmu ke arah itu. Dan sesungguhnya orang-orang yang diberi Kitab (Taurat dan Injil) tahu, bahawa (pemindahan kiblat) itu adalah kebenaran dari Tuhan mereka. Dan Allah tidak lengah terhadap apa yang mereka kerjakan".

Sebelum bertolak balik semula ke hotel penginapan, rombongan dibawa melintasi Masjid Tujuh iaitu tempat terjadinya Perang Khandaq yang juga dikenali sebagai Pertempuran Al-Ahzab pada bulan Syawal Tahun 5 Hijrah bersamaan dengan 627 Masihi.

Ocean Week Brunei dekati komuniti, belia nelayan

Siaran Akhbar dan Foto :
Poni Divers

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Jun. - Ocean Week Brunei merupakan usaha kerjasama antara Poni Divers, Yayasan Poni dan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, meraikan pencapaian dengan Pelancaran Reef Ball Ke-100 semasa Pelancaran Ocean Week Brunei, baru-baru ini.

Sehubungan itu, Bengkel Reef Ball Fabricator telah diadakan hari ini disertai oleh penaja acara, iaitu Armada Properties, pegawai dari Jabatan Perikanan dan dihadiri oleh seramai 18 belia dan sembilan nelayan.

Bengkel ini adalah untuk

mengetahui tentang kesan bebola terumbu terhadap ekosistem marin dan bagaimana ia boleh menyumbang kepada usaha pemuliharaan. Bebola terumbu, direka bentuk untuk meniru terumbu semula jadi, menyediakan habitat kritis untuk hidupan marin dan membantu memulihkan hidupan marin.

Sebagai sebahagian daripada komitmen Ocean Week Brunei untuk memperkasakan komuniti tempatan, 50 bebola terumbu telah disumbangkan kepada komuniti nelayan, dengan nelayan yang hadir pada acara tersebut mendapat manfaat secara langsung daripada inisiatif ini.

Dayang Desimawati binti Metali

dari Jabatan Perikanan hadir

bagi menyumbang bola karang bersama-sama Penyelam Poni dan Yayasan Poni. Nelayan kerap menggunakan daun kelapa, tayar lama atau struktur logam yang tidak digunakan untuk menarik ikan untuk mencipta kawasan memancing yang tidak tahan lama di dalam air.

Dengan menggunakan bebola terumbu yang direka khas dan direka dengan bahan-bahan untuk menjadikannya tahan lama dan juga tidak toksik dan mesra karang, tanpa sebarang rebar logam di dalamnya yang boleh melemahkan integritinya dari semasa ke semasa, nelayan sebaliknya boleh mencipta kawasan memancing yang tahan lama untuk beberapa generasi akan datang kerana bebola terumbu boleh bertahan selama lebih 500 tahun.

Ini adalah penyelesaian terumbu tiruan yang mampan yang telah memperoleh kejayaan meluas dalam komuniti nelayan di seluruh dunia. Pengasas Yayasan Poni, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah turut menekankan kepentingan menempatkan bebola terumbu di tapak yang sesuai untuk tidak meletakkannya di atas karang sedia ada tetapi di kawasan berhampiran dengan karang.

Beliau juga membincangkan strategi tentang cara mencari keadaan dasar laut yang sesuai



BENGKEL ini adalah untuk mengetahui tentang kesan bebola terumbu terhadap ekosistem marin dan bagaimana ia boleh menyumbang kepada usaha pemuliharaan (atas), manakala gambar bawah kiri, para peserta semasa sesi bergambar ramai.

untuk bebola karang dan jarak antara bebola karang untuk

memberikan keberkesan optimal bebola karang. Misi Ocean Week Brunei melangkuai acara ini dengan siri acara selama seminggu yang dirancang untuk melibatkan dan mendidik orang ramai tentang pemuliharaan marin.

Daripada ceramah belia kepada bengkel komuniti, aktiviti penanaman karang, persidangan kelestarian lautan dan pembersihan pantai, inisiatif ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada tindakan dan meningkatkan kesedaran

tentang kepentingan memelihara laut kita.

Ketika Negara Brunei Darussalam memulakan perjalanan ini ke arah masa depan yang lebih mampan, Ocean Week Brunei kekal komited kepada visinya untuk memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang pemuliharaan marin dan memperkasakan masyarakat untuk mengambil tindakan yang bermakna untuk melindungi laut kita untuk generasi akan datang. Untuk maklumat lanjut tentang Ocean Week Brunei dan acara akan datang, sila layari oceanweekbrunei.org.



IMBASAN MINGGUAN



PARA pelajar yang turut serta mengibarkan bendera negara di sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman bagi mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan.

- Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA aksi Kejohanan Bola Sepak 7 Orang Sepasukan Piala Pengarah Akademi Pengajian Brunei Tahun 2024 yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA keluarga yang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada bakal jemaah haji yang bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam.

- Foto : Alishahrin Haji Mumin.

SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



PARA pelajar menyertai Kejohanan Sukan Olahraga Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2024 . - Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad.

DSSB SEDIA PERKHIDMATAN PENGHANTARAN KARGO JEMAAH HAJI

Siaran Akbar dan Foto :
Darussalam Services Sendirian

ARAB SAUDI, Sabtu, 1 Jun. - Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) selaku pengendali haji dan umrah akan sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik dengan memeduli kesejahteraan para jemaah, khususnya semasa musim haji, pelbagai perkhidmatan disediakan termasuklah perkhidmatan penghantaran kargo.

Inisiatif tersebut adalah untuk memberi kemudahan kepada setiap jemaah yang berhasrat membuat penghantaran awal ke Negara Brunei Darussalam semasa keberadaan para jemaah di Kota Madinah di samping bagi mengurangkan beban para jemaah untuk pembayaran lebih timbang semasa keberangkatan balik nanti.

Berdasarkan pengalaman dan komitmen serta prestasi yang baik, DSSB telah melantik Syarikat EFS, Arab Saudi bagi mengendalikan perkhidmatan tersebut.

Syarikat tersebut menawarkan

penghantaran terus *door to door* sejak beberapa tahun kebelakangan bersama DSSB.

Bagi memastikan pengendalian perkhidmatan tersebut teratur, DSSB telah mengaturkan jadual penerimaan kargo bagi setiap pakej kepada para jemaah.

Di samping itu, DSSB juga menyediakan jualan kotak khas untuk penghantaran kargo.

Dengan adanya kemudahan tersebut, ia membolehkan jemaah haji mengatur masa mereka untuk mengemas dan membungkus barang-barang kiriman mereka.

Semasa sesi taklimat kepada para jemaah oleh Penolong Pengurus Am, Jabatan Haji dan Umrah, DSSB, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar, beliau menegaskan agar para jemaah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penerbangan seperti tidak memasukkan barang-barang tegahan termasuk apa juga bahan cecair bagi mengurangkan risiko kehilangan atau kerosakan semasa perjalanan.



DARUSSALAM Services Sendirian Berhad telah mengaturkan jadual penerimaan kargo bagi setiap pakej kepada jemaah.

Sentiasa proaktif, berganding bahu mananai tanggungjawab pelihara keamanan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Eleena Haji Anuar,
Hajah Siti Azizah Tahirah Haji Ramli



DAYANG Eleena binti Haji Anuar.

TUTONG, Sabtu, 1 Jun. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menjalani pelbagai perubahan dan evolusi yang menarik, dan terus konsisten dalam mendukung aspirasi pertahanan negara melalui Kertas Putih Pertahanan yang diselaraskan dengan Wawasan Brunei 2035 sejak penubuhannya yang kini telah menjangkau 63 tahun.

Dalam pendekatan Pelita Brunei bersama orang awam yang menyaksikan Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-63 yang berlangsung di Penanjong Garison, di sini, Dayang Eleena binti Haji Anuar menjelaskan kejayaan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 memerlukan sumbangan proaktif sebagai rakyat dan penduduk yang seharusnya menjadi penggerak dalam memacu negara ke tahap yang kita impikan.

"Antaranya mengerakkan usaha-usaha dengan melibatkan diri dalam semua inisiatif kerajaan, pihak swasta maupun Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) termasuk dari segi pendidikan, kebolehpasaran industri, kemahiran teknologi, serta lebih-lebih lagi dalam bidang pertahanan sesuai dengan peranannya sebagai pemangkin dalam memperkasa kedaulatan negara dengan lebih

terarah, cekap dan berupaya," ujarnya.

Sementara itu, bagi Dayang Hajah Siti Azizah Tahirah binti Haji Ramli pula berpendapat, dalam mendukung misi dan visi ABDB sebagai cerminan daripada orang awam perlu memperkuat dan memperteguh keimanan dalam diri setiap anggota ABDB dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab demi bangsa, negara dan agama sejarah dengan ideologi negara, Melayu Islam Beraja (MIB).

Tambahnya, sebagai rakyat dan penduduk negara ini, sewajarnya kita berganding bahu dalam mananai dan menyokong setiap aktiviti mahupun kerja-kerja amal yang dilaksanakan oleh anggota ABDB tanpa mengira status dan pangkat kerana 'bulat air kerana pembetung, bulat masyarakat kerana muafakat'.

"Saya juga ingin mengambil kesempatan melahirkan ucapan Selamat Menyambut HUT ABDB buat semua wira dan wirawati negara.

"Semoga sentiasa peka dan jitu dalam melindungi negara daripada segala anasir yang mendarat," ujar Dayang Hajah Siti Azizah Tahirah.

Justeru, ABDB akan terus konsisten dalam mendukung aspirasi pertahanan negara melalui Kertas Putih Pertahanan yang diselaraskan dengan Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, Dasar Pertahanan yang jelas merupakan aspek penting untuk dijadikan sebagai panduan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara yang berfalsafahan MIB terpelihara.

Untuk mencapai objektif tersebut, tiga tonggak pertahanan negara yang merangkumi tiga strategi penting telah dikenal pasti, iaitu Cegah Rintang dan Respons (Deterrent and Response), Diplomasi Pertahanan (Defence Diplomacy), dan Pertahanan Holistik (Holistic Defence).

Tiga tonggak pertahanan



DAYANG Hajah Siti Azizah Tahirah binti Haji Ramli.

tersebut adalah asas kepada pembentukan postur pertahanan negara sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dengan pendiriannya sendiri.

Cegah Rintang dan Respons adalah strategi yang penting dalam menghalang dan merespons ancaman terhadap keselamatan negara sama ada dalam maupun luar negara.

Melalui evolusi keupayaan pertahanan, ABDB secara berterusan mampu meningkatkan keberkesanannya dalam cegah rintang ancaman dengan kemampuan untuk mengesan (detect) ancaman melalui pengawasan (surveillance) yang berterusan di tempat-tempat strategik oleh anggota-anggota yang berkepakaaran dan menggunakan aset-aset berteknologi.

ABDB juga mampu melaksanakan respons bersesuaian terhadap apa juga ancaman mengikut garis pandu yang ditetapkan dengan lebih efisien melalui penggunaan aset-aset yang ada dan yang baharu diperoleh.

Sementara jaminan keselamatan sesebuah negara pula bukan hanya bergantung kepada keupayaan tentera semata-mata, sebaliknya Diplomasi Pertahanan yang kukuh bersama negara-negara luar adalah penting untuk membina persefahaman dan kerjasama yang dapat meningkatkan keyakinan dan saling kepercayaan yang setentunya dapat memupuk kestabilan dan keamanan serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam menyedari perkara tersebut sejak dahulu lagi dan di era masa ini, kepentingan Diplomasi Pertahanan tidak dapat diketepikan dengan cabaran pergolakan dunia yang kompleks dan dinamik serta ancaman daripada aktiviti rentas sempadan serta perubahan iklim memerlukan kerjasama yang erat khususnya bersama dengan

terbaik yang bersesuaian daripada negara luar.

Manakala, Pertahanan Holistik menggariskan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadan terhadap keselamatan negara, khususnya melalui Pendekatan Seluruh Kerajaan atau Whole of Government Approach seperti Operasi Bersepadan dalam menguatkuasakan undang-undang negara telah menunjukkan keberkesan dan pencapaian operasi yang terus meningkat.

Bagi Pendekatan Senegara atau Whole of Nation Approach pula melibatkan peranan masyarakat serta pihak swasta untuk sama-sama bertanggungjawab membantu pihak kerajaan dalam menegakkan undang-undang dan melaksanakan inisiatif negara untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keutuhan sosial.

Ke arah ini, ABDB juga memainkan peranannya yang antara lain membantu memelihara keselamatan, menguatkuasakan undang-undang serta menangani bencana dan kecemasan melalui meningkatkan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain serta mengeratkan hubungan dengan masyarakat melalui inisiatif-inisiatif tertentu umpamanya melalui Projek Titian Amal.

Secara keseluruhan, tiga tonggak pertahanan tersebut merupakan pendekatan untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam menjaga kestabilan dan memelihara keselamatan negara ini, bukan sahaja menjadi tanggungjawab ABDB malahan memerlukan penglibatan, peranan dan sumbangan holistik daripada pihak-pihak berkepakaaran dan segenap lapisan masyarakat serta seluruh warga Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, dengan adanya keselamatan dan keamanan bawaralah kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keutuhan sosial dapat dicapai.



Ana July, berhasrat hasilkan kumpulan cerpen dan sajak

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Liyana Julay

PENULIS novel adalah seseorang yang menghasilkan karya atau mencipta cerita yang menarik dengan mencetuskan imaginasi, emosi dan meninggalkan kesan kepada para pembacanya. Tugas sebagai penulis novel juga tidak lepas daripada menghadapi beberapa cabaran kerana ia memerlukan sejumlah besar masa, usaha dan dedikasi dalam menghasilkan sebuah karya novel yang menarik. Salah satu pencapaian yang paling ketara bagi seorang penulis novel ialah berjaya menghasilkan sebuah karya yang telah siap untuk dijadikan novel dan seterusnya melihat novel mereka dicetak dan menerima respons daripada para pembaca.

Ruangan Belia Berwawasan kali ini menampilkan seorang penulis novel tempatan, Dayang Liyana binti Awang Haji Julay dengan nama pena Ana July. Berumur 37 tahun dan berasal dari Kampung Lupak Luas dan berkelulusan Ba. Education dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dayang Liyana menjelaskan tercetusnya idea untuk menjadi seorang penulis dan sejarah perjalanan awal dalam bidang

penulisan telah mula timbul sedari berada di alam persekolahan lagi.

Mula berjinak-jinak semenjak di sekolah menengah lagi dengan menulis sajak dan kemudian minat berkembang dalam penulisan cerpen selepas tamat pengajian di UBD pada tahun 2010 dan seringkali mengikuti beberapa bengkel penulisan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kemudian terpilih mengikuti MASTERA Cerpen di Depok Republik Indonesia pada tahun 2018 dan sekali gus menjadi salah seorang Alumni MASTERA. Seterusnya belajar dan mencuba pula menulis genre novelet / novel bermula pada tahun 2020, terang Dayang Liyana.

Menurutnya, penglibatan dalam aktiviti penulisan termasuklah mengikuti bengkel-bengkel penulisan anjuran DBP; Alumni MASTERA Cerpen 2018; Menulis sajak dan cerpen bagi terbitan Majalah Bahana; Antologi Cerpen terbitan DBP: Aurora, Nukilan Ha.Wa; dan Antologi Cerpen terbitan Galeri Ilmu : Up To You, Berani Menjadi Aku.

Pencapaian

Dalam bidang penulisan novel, Dayang Liyana turut mencapai beberapa kejayaan iaitu pernah memenangi beberapa sayembara penulisan cerpen; diberi penghormatan kedua Sayembara Penulisan Novelet pada tahun 2022 anjuran DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui novelet Hadiyatul Haramain; dan juga diberi Penghormatan Pertama dalam Peraduan Menulis Novel 2021-2022 bersempena Bulan Bahasa 2023 anjuran DBP dengan tajuk novel Binti Abdullah.

Pengalaman dan cabaran

Menulis novel memang sesuatu yang amat menyeronokkan dan sebagai seorang penulis, beliau juga tidak lepas dari menghadapi beberapa cabaran dalam bidang penulisan.

"Saya banyak menimba ilmu penulisan melalui pembacaan dan mengikuti banyak bengkel-bengkel penulisan dan berguru daripada penulis-penulis yang berpengalaman."

"Cabaran dalam penulisan adalah untuk menghasilkan sebuah naskhah yang berkualiti, saya perlu melakukan kajian untuk memastikan penulisan itu memiliki nilai ilmu

bukan sekadar menghiburkan pembaca, selain cabaran dalam kekangan waktu dan di sini perlulah saya tahu membahagi masa.

"Antara cabaran lain pula adalah writers block dan saya melazimi untuk memperbanyak berdoa agar dikurniakan ilham yang baik-baik," jelasnya lagi.

Menurut Dayang Liyana, sokongan dari sahabat dan keluarga adalah antara faktor yang menyuntik semangat beliau dalam penulisan dan menghasilkan sebuah karya. Tambahan lagi dengan pengalaman hidup, melihat tabiat masyarakat juga menjadi antara sebab untuk menghasilkan karya yang dekat dengan masyarakat.

Menyentuh mengenai perancangan dalam bidang penulisan novel pula, Dayang Liyana bercita-cita untuk menghasilkan buku kumpulan cerpen dan kumpulan sajak dan sekali gus meneruskan lagi penghasilan karya novel yang bermutu serta bermanfaat dan insyaAllah mampu mendidik pembaca dalam pelbagai aspek.

Secara peribadi, Dayang Liyana ingin melihat lebih ramai lagi para belia berjinak-jinak untuk menceburi bidang penulisan kerana hakikatnya kita sangat kekurangan pelapis penulis muda yang masih jauh ketinggalan jika dibandingkan

dengan negara-negara jiran.

"InsyaAllah, dalam mencapai ini semua, pentingnya untuk mewujudkan masyarakat yang cinta kepada ilmu serta menjadi generasi yang rajin membaca buku, ujarnya.

Harapan, nasihat dan pesanan kepada belia

Buat belia Brunei yang baharu ingin berkecimpung dalam bidang penulisan, Dayang Liyana juga menyarankan untuk menjadi seorang penulis yang berjaya dan konsisten. Kuncinya tidak lain adalah usaha, sentiasa meningkatkan dan mengasah kemahiran dengan belajar daripada penulis-penulis yang berpengalaman kerana beliau sendiri belajar daripada ramai guru melalui bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh pihak DBP. Dengan berguru, mencari ilmu, bersedia menerima kritikan insyaAllah kita akan mampu menghasilkan karya yang bermutu.

Belia berwawasan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, haruslah berani ke hadapan menggilap kemahiran diri, mampu berdaya saing secara sihat. Ilmu haruslah tetap menjadi keutamaan dalam apa juaridang yang ingin diceburi," tambahnya.



Persatuan FITRAH bantu mantapkan dasar pendidikan inklusif

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ihsan FITRAH

Infografik : Seksyen Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

PENDIDIKAN di negara ini terus berdepan dengan cabaran-cabaran semasa, baik di dalam maupun di luar bandar. Apatah lagi bagi golongan berkeperluan khas, cabaran dalam bidang pendidikan adalah di luar jangkaan mereka. Selain ibu bapa, golongan berkeperluan khas di negara ini sememangnya sentiasa mendapat pemedulian dari pelbagai pihak, baik dari pihak kerajaan maupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Salah sebuah pertubuhan yang mengambil berat akan pendidikan dan kebajikan golongan tersebut adalah Persatuan Pendidikan Khas atau lebih dikenali dengan Persatuan FITRAH.

FITRAH

Persatuan ini telah diperkenalkan oleh seorang konsultan yang berasal dari Kanada iaitu Profesor Marg Csapo yang mempunyai latar belakang dalam bidang Special Education. Beliau memeluk Islam semasa berada di Negara Brunei Darussalam dan dikenali dengan nama Islamnya Profesor Majeedah binti Abdullah.

Ditubuhkan pada tahun 1996, Persatuan FITRAH merupakan sebuah badan NGO yang berdaftar di negara ini dengan tujuan untuk membantu pendidikan bagi individu-individu yang berkeperluan khas di Negara Brunei Darussalam.

Untuk mencapai tujuan tersebut, persatuan FITRAH akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan khasnya Kementerian Pendidikan dalam usaha sama-sama memainkan peranan ke arah mendukung Kementerian Pendidikan untuk memantapkan Dasar Pendidikan Inklusif yang dilaksanakan

sejak tahun 1996 (28 tahun yang lalu).

Persatuan ini sentiasa bergiat aktif sejak tahun 2019 hingga sekarang, di bawah kepimpinan Hajah Norjum binti Haji Yusop, selaku Yang Dipertua FITRAH. Namun aktiviti-aktiviti terhenti seketika disebabkan penularan COVID-19. Sehingga kini, FITRAH mempunyai ahli seramai enam orang (Bahagian Pentadbiran) dan 20 Ahli Exco.

Peranan

Persatuan FITRAH antara lain berperanan mengelilingi pelajar berkeperluan khas dan keluarga yang kurang berkemampuan untuk membantu meningkatkan pendidikan berkualiti untuk anak-anak mereka. Pelajar-pelajar lepasan pra-vokasional yang sukar mendapat pekerjaan juga mendapat pemedulian dari Persatuan FITRAH.

Persatuan ini bersedia membantu mengajar kemahiran dalam usaha kraf tangan seperti jahitan atau anyaman, membuat gubahan tangan, membuat hamper serta memasak dan lain-lain kreativiti. Melalui kemahiran yang diberikan itu akan dapat menghasilkan bahan jualan bagi menjana pendapatan khususnya bagi mereka yang sudah berumrah tangga.

Persatuan FITRAH juga mengambil berat akan pendidikan agama dalam kalangan golongan berkeperluan khas yang beragama Islam. Dalam hal ini, Persatuan FITRAH juga membantu golongan tersebut dalam bacaan Al-Quran dan bacaan ayat-ayat lazim yang diguna pakai dalam mengerjakan sembahyang. Sebahagian mereka ada yang cuba memahami bacaan melalui Bahasa Isyarat dan Kod Braille. Bantuan ini juga diajar oleh guru-guru SEN (Special Education Needs) dan guru-guru pendidikan khas agama.

Dengan memberikan pendidikan berkualiti ini, dapat juga membantu pelajar-pelajar berkeperluan khas meningkatkan usaha dan motivasi mereka ke arah kecemerlangan hidup, di dunia dan akhirat.

Inisiatif

Persatuan FITRAH telah berjaya mengendalikan beberapa inisiatif dengan menghulurkan bantuan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas, antaranya membantu 10 orang pelajar yang mengalami Low Vision dengan set kaca mata. Dengan adanya bantuan set kaca mata (VI) ini dapat membantu mereka belajar dengan selesa dan tenang.

Persatuan ini juga telah dapat membantu pelajar mengalami masalah pendengaran dengan set alat bantu dengar (HI) yang lengkap. Inisiatif persatuan FITRAH membantu pihak sekolah menyediakan peralatan hydroponics untuk program atau aktiviti terapi pelajar serta dapat mempelajari kemahiran dalam bercucuk tanam.

Pelajar yang mengalami Cerebral Palsy juga tidak ketinggalan mendapat perhatian dari persatuan ini dengan diberi bantuan set meja yang direka khas untuk lebih selesa belajar di dalam bilik darjah. Begitu juga dengan pelajar mengalami rabun dekat juga disediakan dengan meja yang ditempah khas.

Selain itu, Persatuan FITRAH juga membantu peralatan dan keperluan sekolah bagi mereka yang kurang berkemampuan; membantu peralatan seperti wheelchair dan peralatan komputer dan sebagai penasihat dan memberi semangat (kaunseling) yang kental kepada ibu bapa dan pelajar yang masih di bangku sekolah.

Kolaborasi

Di samping menjalin kerjasama

dengan NGO lain yang mempunyai kepentingan bersama, Persatuan FITRAH juga berkolaborasi dengan organisasi-organisasi lainnya termasuk kolaborasi bersama Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas), Kementerian Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC) dan banyak lagi.

Selain itu, FITRAH juga bekerjasama dengan para ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas, khususnya dengan cara mengadakan bengkel, sesi kongsi sama, taklimat, ceramah motivasi, perjumpaan, peraduan untuk anak-anak mereka yang berkeperluan khas serta memberikan latihan untuk ibu bapa. Persatuan ini sentiasa bertukar-tukar pandangan dan pemikiran terbaik yang sesuai digunakan pada masa sekarang di Negara Brunei Darussalam.

Perancangan

Bagi memastikan persatuan ini kekal relevan dan berdaya tahan dalam memeduli golongan berkeperluan khas, FITRAH telah menyusun Pelan Tindakan Perancangan bagi Tahun 2024-2025 antaranya berhasrat untuk mengadakan latihan kemahiran intensif untuk ibu bapa serta ceramah dan motivasi bersama keluarga.

Selain itu, FITRAH juga merancang untuk menambah keahlian yang terdiri daripada generasi baharu selaku 'Sukarelawan Muda' sebagai Generasi Pelapis, memandangkan ahli-ahli ketika ini kebanyakannya terdiri daripada guru-guru dan pegawai-pegawai yang telah pun mencapai usia bersara. Dengan adanya kepimpinan melalui generasi muda, diharap juga dapat membantu dalam menyelenggarakan penggunaan teknologi maklumat dan membuat perubahan yang terbaik pada masa akan datang, seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Visi

Untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan khidmat bantu service delivery kepada individu yang berkeperluan khas di Negara Brunei Darussalam.

Misi

Untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai isu, perkembangan dan kebajikan bagi individu-individu yang berkeperluan khas.

Untuk meningkatkan pendidikan berterusan kepada guru-guru, ahli keluarga dan individu-individu berkeperluan khas.


Membantu meningkatkan pendidikan berkualiti secara berterusan kepada guru-guru Special Education Needs (SEN), guru-guru kelas dan guru-guru mata pelajaran, ahli keluarga dan individu-individu berkeperluan khas yang berkaitan dengan pendidikan khas melalui program kerjasama.

Bekerjasama secara kolaborasi dengan organisasi-organisasi yang mempunyai kepentingan yang sama bagi individu-individu berkeperluan khas.

Untuk mengumpul Dana FITRAH bagi membantu / menampung keperluan keluarga dan individu berkeperluan khas.

Moto

Tawadhu kerana Allah





EMIR KUWAIT LANTIK SHEIKH SABAH KHALED AL SABAH SEBAGAI PUTERA MAHKOTA

KUWAIT, 2 Jun. - Emir Kuwait, Mishal Al Ahmad Al Jaber Al Sabah pada Sabtu mengeluarkan dekri melantik Sabah Khaled Al Hamad Al Sabah sebagai putera mahkota, lapor Agensi Anadolu memetik Agensi Berita Kuwait (KUNA). Mishal Al Ahmad Al Jaber Al Sabah mengambil alih kepimpinan Kuwait pada Disember 2023.

Demonstrasi di depan Kedutaan AS di Jakarta nyatakan sokongan untuk Palestin

JAKARTA, 1 Jun. - Ribuan individu yang mengenakan pakaian putih dan hitam sebagai simbol solidariti, berkumpul di luar Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Jakarta Pusat pada Sabtu, menuntut keadilan dan tindakan sokongan untuk Palestin.

Demonstrasi yang dianjurkan oleh Koalisi Indonesia Bela Baitulmuqaddis (KIBBM) dengan tema, 'Seluruh Mata Tertumpu pada Rafah', bermula pada pukul 6 pagi waktu tempatan.

Dalam ucapannya, Ketua KIBBM, Bachtiar Nasir, mengkritik Kerajaan Israel dan Amerika Syarikat atas serangan maut rejim Zionis di Rafah baru-baru ini.

Beliau menyeru campur tangan antarabangsa yang segera untuk kemerdekaan Palestin.

Bachtiar juga menggesa orang ramai untuk menghidupkan semula boikot produk Israel yang telah berkurangan sejak akhir ini.

Sekurang-kurangnya 1,120 anggota keselamatan dikerahkan untuk memastikan demonstrasi berjalan dengan aman, yang berakhir sekitar pukul 10 pagi.

Sementara itu, dalam satu majlis di Riau yang disiarkan secara langsung di platform media sosial, Presiden Joko Widodo menyentuh isu Palestin.

Beliau menegaskan komitmen Indonesia terhadap dasar berkecuali yang aktif dalam urusan antarabangsa dan sokongan untuk usaha kemerdekaan semua negara, termasuk Palestin, sambil berusaha untuk keamanan dunia. - ©BERNAMA

Kerajaan Thailand lulus langkah baharu untuk tingkat sektor pelancongan

BANGKOK, 1 Jun. - Thailand telah mengumumkan langkah baharu untuk memudahkan sektor pelancongan, membolehkan pelancong Malaysia masuk tanpa visa atau mendapatkan visa semasa ketibaan, dengan tempoh penginapan sehingga 60 hari.

Jurucakap Kerajaan Thailand, Chai Wacharone menyatakan bahawa Kabinet telah meluluskan beberapa langkah kemudahan visa untuk meningkatkan sektor pelancongan.

Ini termasuk pengecualian visa, memperluas senarai visa semasa ketibaan dan memperkenalkan kategori visa baharu.

Bermula 1 Jun, pelawat dari 93 negara, meningkat berbanding 57 sebelumnya boleh memasuki Thailand tanpa keperluan visa untuk tempoh sehingga 60 hari.

Selain itu, senarai negara yang layak untuk visa semasa ketibaan akan meningkat kepada 31 daripada 19 negara.

Bagi nomad digital yang mencari penginapan jangka panjang dan bekerja dari jauh di Thailand, tempoh sah visa akan dilanjutkan daripada 60 hari kepada lima tahun, dengan setiap penginapan sehingga 180 hari.

Langkah lain termasuk membentarkan pelajar universiti asing tinggal selama setahun selepas tamat pengajian dan melonggarkan keperluan insurans untuk pesara asing yang tinggal lama.

Malaysia termasuk dalam senarai 93 negara yang disenaraikan oleh Kementerian Luar Thailand, bersama Vietnam, Indonesia, Brunei dan Filipina.

Menurut Kementerian Pelancongan dan Sukan Thailand, negara itu menerima lebih 14.32 juta pelancong setakat minggu lepas dan berhasrat untuk menarik sekurang-kurangnya 35 juta ketibaan pelancong asing pada tahun ini. - ©BERNAMA

Keputusan baginda untuk melantik putera mahkota dibuat kira-kira tiga minggu selepas beliau membubarkan Parlimen pada 10 Mei dan menggantung beberapa perkara dalam Perlembagaan. Baginda menyifatkan langkah itu sebagai "keputusan sukar untuk menyelamatkan negara dan menjamin kepentingannya yang

tinggi."

Beliau menambah bahawa negara sedang menghadapi "kesukaran dan halangan yang tidak dapat ditanggung," merujuk kepada perselisihan faham antara kerajaan dan parliment, yang

mengakibatkan peletakan jawatan kerajaan beberapa kali.

Putera Mahkota Sabah Khaled Al Hamad Al Sabah dilahirkan pada 15 Mac 1953, pernah berkhidmat sebagai perdana menteri dari 19 Nov 2019 hingga 24

Julai 2022.

Bulan lepas, kerajaan baharu Kuwait yang diketuai oleh Ahmed Abdullah Al Ahmad Al Sabah dan terdiri daripada 13 menteri, mengangkat sumpah di hadapan Emir. - ©BERNAMA

Lapan lagi calon daftar untuk bertanding jawatan presiden Iran

TEHRAN, 2 Jun. - Lapan lagi calon presiden telah mendaftar untuk bertanding jawatan presiden Iran menjelang pilihan raya awal pada akhir Jun, lapor Agensi Berita Republik Islam (IRNA).

Jurucakap Ibu Pejabat Pilihan Raya Kementerian Dalam Negeri, Mohsen Eslami pada Sabtu berkata seramai 23 orang telah melawat ibu pejabat pilihan raya hari ini dengan lapan daripadanya secara rasmi

mendaftarkan pencalonan mereka.

Antara yang mendaftarkan nama selaku calon Presiden ialah bekas Ahli Parlimen, Seyyed Ahmad Rasoulinejad; Ahli Parlimen bandar Tabriz, Masoud Pezeshkian; pembantu kepada Pemimpin Tertinggi Revolusi Islam dan bekas komander IRGC, Vahid Haghian dan Datuk Bandar Tehran, Alireza Zakani.

Iran akan mengadakan pilihan

raya presiden pada 28 Jun berikutnya kematian presiden Ebrahim Raisi dalam naas helikopter bulan lepas. Calon-calon itu turut mengisyiharkan slogan dan program kemenangan mereka secara ringkas di ibu pejabat pilihan raya.

Se semua calon presiden mestilah mendapat kelulusan daripada Majlis Penjaga, panel 12 anggota yang terdiri daripada ulama dan pakar undang-undang. - ©BERNAMA

Kesemua anggota EMT Mercy Malaysia berjaya dibawa keluar dari Rafah, Gaza

KUALA LUMPUR, 1 Jun. - Kementerian Luar (Wisma Putra) pada Sabtu mengesahkan kesemua enam anggota Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) Mercy Malaysia telah berjaya dibawa keluar dengan selamat dari Rafah, Gaza.

Wisma Putra dalam satu kenyataan memaklumkan enam anggota EMT dibawa keluar dari zon konflik secara berperingkat bersama-sama dengan petugas antarabangsa yang lain.

"Sebahagian ahli-ahli EMT ini telah dibawa keluar masing-masing pada 23, 24 dan 28 Mei manakala kumpulan terakhir yang terdiri daripada dua orang ahli EMT telah dibawa keluar pada 31 Mei," menurut kenyataan itu.

Kementerian Luar ingin

merakamkan penghargaan kepada semua rakan antarabangsa yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam memastikan keselamatan petugas warganegara Malaysia tersebut sehingga mereka berjaya dipindahkan keluar dari zon konflik.

Kenyataan itu menyatakan bahawa kementerian juga ingin mengingatkan semua rakyat Malaysia agar tidak melakukan sebarang perjalanan ke mana-mana zon konflik. Beribu-ribu rakyat Palestin melarikan diri dari kawasan barat Rafah selepas tentera Israel meluaskan serangannya ke bandar itu pada Isnin malam (27 Mei).

Ramai rakyat Palestin terbunu dalam serangan udara Israel yang menyasarkan khemah

untuk penduduk yang kehilangan tempat tinggal di Tal al-Sultan, barat laut pusat bandar Rafah, kata sumber perubatan kepada Agensi Anadolu.

Menurut saksi, serangan itu menyebabkan kerosakan dan pesakit terperangkap di dalam klinik Tal al-Sultan dan hospital medan Indonesia di Rafah. Israel meneruskan serangan kejamnya ke atas Gaza walaupun resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) menuntut gencatan senjata segera.

Sekurang-kurangnya 36,050 rakyat Palestin telah terbunu di Gaza, sebahagian besarnya adalah wanita dan kanak-kanak manakala lebih 81,000 yang lain cedera sejak Oktober lepas. - ©BERNAMA

Komitmen terhadap rantau Indo-Pasifik kekal kukuh walau terdapat konflik

SINGAPURA, 1 Jun. - Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat (AS) Lloyd J. Austin III menegaskan komitmen teguh Amerika Syarikat terhadap rantau Indo-Pasifik walaupun terdapat konflik yang sedang berterusan di Eropah dan Asia Barat.

Bercakap pada Dialog Shangri-La (SLD) ke-21 pada Sabtu, Austin menekankan bahawa pentadbiran Presiden Joe Biden telah memberi keutamaan kepada rantau berkenaan sejak hari pertama, mengiktirafnya sebagai pusat strategi AS.

"Kami komited sepenuhnya. Dan kami tidak akan ke mana-mana. Walaupun terdapat konflik bersejarah di Eropah dan Asia Barat, Indo-Pasifik kekal sebagai 'teater' operasi keutamaan kami," katanya.

Menjawab soalan daripada seorang perwakilan, Setiausaha Pertahanan itu berkata beliau percaya momentum AS di wilayah Indo-Pasifik akan terus meningkat dan "bertambah laju", berdasarkan visi dan nilai bersama, tanpa mengira keputusan pilihan raya presiden AS.

Austin juga menyoroti kesepakatan baharu dalam hampir semua aspek keselamatan di Indo-

Pasifik, yang dicirikan oleh inisiatif dan institusi yang bertindih dan saling melengkapi.

Visi bersama dan rasa tanggungjawab bersama ini menurut beliau, sedang membina rangkaian perkongsian yang lebih kukuh, lebih berdaya tahan dan lebih berkemampuan, menandakan era baharu keselamatan di rantau ini.

"Walaupun beberapa pengkritik dan propagandis akan terus menolak kedaulatan undang-undang dan cuba memaksakan kehendak mereka melalui paksaan dan serangan, kesepakatan baharu Indo-Pasifik menunjukkan masa depan yang lebih baik untuk semua negara kita," katanya.

Austin menekankan bahawa keselamatan Amerika Syarikat sememangnya dikaitkan dengan keselamatan Asia. Beliau menekankan kehadiran AS yang telah lama wujud di rantau ini dan pelaburan berterusannya untuk memenuhi komitmen kepada sekutu dan rakan kongsi.

Mengenai China, Austin menjelaskan bahawa AS tidak mencari hubungan perbalahan dengan Beijing. Beliau menyatakan keterbukaan untuk berdialog tetapi

juga menekankan kepentingan bekerjasama dengan sekutu dan negara-negara di rantau ini seperti Filipina, untuk menangani kebimbangan mereka dan memastikan hak mereka dilindungi.

"Kami boleh menangani isu berkenaan dalam saluran tersebut dan seperti yang anda bayangkan, Menteri Dong dan saya mempunyai keupayaan untuk membincangkan beberapa isu tersebut semalam (Jumaat). Saya berharap dapat meneruskan perbincangan itu," katanya.

Austin dan Menteri Pertahanan China Dong Jun pada Jumaat mengadakan pertemuan peribadi pertama di luar Dialog Shangri-La, yang pertama antara menteri pertahanan AS dan China sejak tahun 2022.

Menyentuh mengenai perbualannya dengan Dong, Austin berkata beliau memberi jaminan kepada rakan sejawatannya bahawa saluran komunikasinya sentiasa terbuka. "Komunikasi inilah yang saya percaya akan membantu untuk mengekalkan keadaan di tempat yang betul dan membantu kita bergerak ke arah kestabilan dan keselamatan yang lebih besar di rantau ini," tambahnya. - ©BERNAMA

PKWE DBM anjur Perlawan Pingpong



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Haji Othman Haji Aliassan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Jun. - Perlawan Pingpong (PKWE DBM) telah diadakan baru-baru ini yang berlangsung di pusat

berkenaan. Pada perlawan tersebut seramai 12 peserta lelaki mengikuti Kategori Perseorangan dan enam pasukan mengikuti Kategori Berpasangan.

PENGURUS Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara, Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat dan bergambar ramai bersama para pemenang.

Bangok bin Kula dengan Awang Idris bin Haji Ibrahim menduduki tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengurus PKWE DBM, Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh. Terdahulu, perlawan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Haji Abu Bakar bin Burut diikuti dengan pelancaran Perlawan Pingpong oleh Penolong Pengurus, Hajah Fatimah binti OKSU Haji Basah.

Pada perlawan tersebut juga menyaksikan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat daripada Penyelaras Bahagian Sukan PKWE. Adapun tujuan diadakan perlawan ini adalah untuk menjalankan silaturahim antara semua pemain di samping itu juga untuk meningkatkan stamina dan kecerdasan untuk semua.

KONGSI, PELAJARI TEKNIK SUKAN JUDO



Selain itu, turut diadakan ialah acara memperingati Tahun Persahabatan Jepun-Brunei 2024 dengan Pameran Budaya Jepun oleh anggota kapal termasuk Pancaragam JMSDF, Yokosuka, pada Sabtu, 1 Jun bermula pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang di Pusat Membeli-belah Times Square.

Lawatan oleh JMSDF bertujuan bukan sahaja untuk menyediakan pegawai pelatih peluang latihan sambil bekerja melalui pelayaran laut, tetapi juga untuk mempromosikan persahabatan dan muhibah dengan negara-negara

yang dilawat dan menyumbang kepada merealisasikan 'Indo-Pasifik Bebas dan Terbuka'.

PERSEKUTUAN Judo Kebangsaan Brunei Darussalam dan tiga pelatih judo dari Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun (JMSDF) semasa mengadakan Latihan Bersama (atas, atas kanan dan kanan).



سوروهنجای فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.



DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



Sila sahkan bahwa **maklumat** di dalam profil adalah **lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak mpenati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



TIDAK DIPERAKUAN



PERMOHONAN TIDAK DIPERAKUAN



KERJASAMA PADU MEMELIHARA TAMAN RIADAH BUKIT KAMSER



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Jun. - Pemeliharaan dan penghasilan sebuah taman riadah yang indah dan diberi nama sebagai Taman Riadah Bukit Kamser yang pada mulanya dipanggil Bukit Kampung Serdang merupakan salah satu produk atas titik peluh dan usaha gigih sebilangan penduduk Kampung Serdang.

Taman Riadah Bukit Kamser ini juga adalah taman persinggahan dan juga penghubung menuju ke taman-taman riadah yang lain seperti Bukit Sipatir, Bukit Bayu dan lain-lain.

Selain itu, Bukit Kamser juga merupakan lokasi persinggahan dan perlintasan bagi acara-acara perlawanan *hiking* yang diusahakan

oleh beberapa buah penganjur yang terkemuka yang mana juga melibatkan penyertaan peserta-peserta dari luar negeri.

Perkara tersebut dijelaskan dalam ucapan alu-aluan Ketua Kampung Sungai Besar, Serdang dan Sungai Belukut, Lettenan Kolonel (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit selaku Pengurus Majlis Perasmian Semula (Rebranding) Taman Riadah Bukit Kamser, Kampung Serdang, Mukim Kota Batu, di sini.

Tambahnya, ada pun objektif perasmian semula taman riadah ini diadakan semata-mata bagi mengenalkan Taman Riadah Bukit Kamser kepada umum, di samping memberikan nama baharu

(rebranding), dan menyatupadukan dan mengwujudkan masyarakat, khasnya penduduk mukim dan kampung untuk bekerjasama dan bersatu padu dalam memelihara taman riadah seperti ini tanpa bergantung dengan bantuan pihak Kerajaan.

Menurutnya lagi, ia juga memberi peluang kepada penduduk Mukim dan Kampung untuk bekerjasama dengan penganjur-penganjur perlawanan *hiking* atau *climbathon*, di samping belajar dalam menganjurkan kegiatan-kegiatan sukan yang lebih berprestij dan terkemuka di masa-masa akan datang, dan mempelawa dan menarik pelancong asing untuk ikut serta melalui kegiatan sukan yang dianjurkan.

Perasmian semula taman riadah tersebut juga jelasnya, akan

menarik para penduduk mukim dan kampung serta orang ramai untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sukan demi mencapai ke tahap kehidupan yang sihat dengan melakukan aktiviti riadah / sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian taman riadah berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut.

Fasa pertama aktiviti di Taman Riadah Bukit Kamser telah dilaksanakan pada Ahad, 26 Mei 2024 dengan aktiviti Kamser Climbathon iaitu aktiviti mendaki bukit secara berulang-ulang selama empat jam dalam dua kategori iaitu orang dewasa lelaki dan perempuan yang berumur 18 tahun ke atas yang

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan perasmian taman riadah berkenaan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri sekali dan kiri).

diungkayahkan bersama oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Serdang dan Passion Ku Enterprise.

Manakala fasa kedua merupakan majlis perasmian dan diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang acara Kamser Climbathon.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Zon 2 dan Zon 3, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Pemangku Penolong Pegawai DBM, Pemangku Penghulu Mukim Kota Batu, Ketua-ketua Kampung Mukim Kota Batu, Pemangku pemangku Ketua Kampung Mukim Kota Batu, mantan Ketua Kampung Mukim Kota Batu, mantan Pemangku Ketua Kampung Mukim Kota Batu, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Kota Batu, Penduduk Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, pegawai dan kakitangan Passion Ku Enterprise dan para pemenang dan penerima hadiah Kamser Climbathon.

Pasukan Temburong juara Kejohanan Badminton Berpasukan



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan berkenaan.

TUTONG, Ahad, 2 Jun. - Buat julung kalinya Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Bolkiah, Pekan Tutong dan disokong oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam mengadakan Kejohanan Badminton Berpasukan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Belia Masjid dan Pegawai Masjid Senegara bagi Tahun 2024. Kejohanan tersebut diadakan di Dewan Kompleks Sukan Daerah Tutong, petang tadi.

Hadir pada acara Penutup Kejohanan Badminton Berpasukan tersebut selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Johan disandang oleh Pasukan Temburong, naib johan, Tutong 2 dan tempat ketiga disandang oleh BM Zon

5A. Sebanyak lapan pasukan menyertai kejohanan berkenaan terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Pegawai Masjid, Imam, Bilal, Merbut dan Buruh Masjid.

Acara sukan ini dilaksanakan selaras dengan tujuan untuk mewujudkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selain untuk menjadikan kejohanan tersebut sebagai aktiviti tahunan.

Antara objektif kejohanan dianjurkan adalah untuk membentuk para pegawai masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid yang mampu berdiskir dan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi.

Di samping melatih untuk memupuk sikap toleransi, keyakinan diri, bertanggungjawab dan menghargai kesihatan tubuh badan, kejohanan juga bertujuan untuk memupuk jalinan kerjasama dan silaturahim antara Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Pegawai Hal Ehwal Masjid Senegara.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

WUJUDKAN MODAL INSAN YANG SEIMBANG DARI SEGI INTELEK, ROHANI, EMOSI DAN JASMANI